



STRATEGI PEMBANTERASAN **RASUAH** **RISDA**

2025-2029

RISDA ANTI-CORRUPTION STRATEGY (RACS)

DITERBITKAN OLEH:



UNIT INTEGRITI, PEJABAT KETUA PENGARAH

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

TINGKAT 4, IBU PEJABAT RISDA,
KM 7, JALAN AMPANG,
KARUNG BERKUNCI 11067,
50990, KUALA LUMPUR.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa-apa jua bentuk adalah dilarang.

Sebarang pengeksploitasi untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada RISDA adalah tidak dibenarkan sama sekali.

RESILIENT

INTEGRITY

SMART

DEDICATION

AIM

RISDA

“Warga RISDA harus **teguh** menghadapi cabaran masa kini walau berdepan kesukaran, sentiasa mengamalkan **integriti** dalam kerja, **bijak** dalam melaksanakan tugas, **berdedikasi** terhadap tanggungjawab yang diamanahkan serta mempunyai **hala tuju** yang jelas.”



**YB Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib
Pengerusi RISDA**

AMANAT KEIMPINAN

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah S.W.T atas keizinanNya, RISDA berjaya membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029. Pembangunan RACS 2025-2029 ini dibangunkan seusai kejayaan pelaksanaan Pelan Antirasuah RISDA (RACP) 2019-2023 dan ianya menunjukkan satu kesinambungan usaha serta komitmen yang tidak berbelah bahagi oleh Pengurusan RISDA dalam memastikan RISDA bebas daripada gejala rasuah serta salah guna kuasa.


RACS 2025-2029 merupakan suatu dokumen dasar antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan atau kelemahan integriti, tatakelola dan rasuah dalam organisasi. Pembangunan RACS 2025-2029 ini turut menyahut langkah tegas Kerajaan melalui Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang diluncurkan pada 07 Mei 2024 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Setiap strategi yang digariskan dalam NACS 2024-2028 telah diteliti dan disambut melalui beberapa inisiatif yang dinyatakan secara spesifik dalam RACS 2025-2029.

Sebagai agensi yang mempunyai misi untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, RISDA tidak boleh mengeneptikan elemen integriti dalam segenap urusan operasinya. Ia bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Qasas, **Ayat 26 yang menerangkan dua nilai terbaik seseorang pekerja iaitu Kuat dan Amanah, yang mana boleh diertikan sebagai berkompetensi tinggi dan berintegriti.** Oleh sebab itu, RISDA komited menjayakan pembangunan RACS 2025-2029, seterusnya akan berusaha sehabis baik untuk melaksanakan semua inisiatif yang dirancang. Adalah penting untuk setiap warga RISDA memahami matlamat pelaksanaan RACS 2025-2029 supaya tindakan yang dilaksanakan kelak mempunyai tujuan serta menghasilkan *outcome* yang diharapkan.

Saya yakin dan percaya semua strategi yang digarapkan ini apabila diterjemahkan dalam bentuk tindakan, maka ia pastinya akan memberikan impak yang amat baik sama ada kepada budaya kerja yang positif, penyuburan nilai-nilai integriti dikalangan warga RISDA yang akhirnya memberi natijah terhadap peningkatan produktiviti serta penyampaian perkhidmatan RISDA kepada kumpulan sasar.

Besar harapan saya agar setiap warga RISDA memberikan kerjasama dan komitmen sepenuh hati bagi melaksanakan setiap inisiatif yang terkandung dalam RACS 2025-2029. Dengan semangat kebersamaan, atas bahu kitaialah terpikulnya tanggungjawab untuk membuktikan bahawa dasar antirasuah ini bukanlah retorik semata-mata namun akan diterjemahkan sepenuhnya dalam bentuk pelaksanaan oleh kita semua.

Sekian, terima kasih.



YB Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib
Pengerusi RISDA



PERNYATAAN KOMITMEN

Ketua Pengarah
RISDA



YBrs. Encik Zainal
Azni bin Zulkifli

Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan) RISDA



YBrs. Puan Haniza
binti Ab Shukor

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan) RISDA



YBrs. Encik Md
Najip bin Ishak



Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA atau RISDA *Anti-Corruption Strategy* (RACS) 2025-2029 merupakan suatu pernyataan komitmen dan tekad warga RISDA dalam perjuangan memerangi rasuah, memperkuatkan integriti dan memastikan tatakelola terbaik dalam usaha untuk menjadikan RISDA sebagai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi lagi dihormati.

RACS 2025-2029 yang dibangunkan dengan kerjasama strategik bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) adalah bersumberkan kepada pelbagai maklumat antaranya Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028, Pelan Antirasuah RISDA (RACP) 2019-2023, Laporan Kajian Keberkesanan RACP 2019-2023, Laporan *Corruption Risk Management* (CRM) RISDA, Laporan Pengurusan Risiko Kualiti (MS ISO 9001:2015), Pelan Strategik RISDA, Laporan Sistem Audit Nilai (SPAN), Laporan Aduan dan Tatatertib, Laporan Penemuan Audit, input-input yang dibangkitkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK), amanat dan ekspektasi Pengurusan Tertinggi RISDA serta dapatan daripada peserta Bengkel Pembangunan RACS 2025-2029 yang terdiri daripada pegawai-pegawai di peringkat Ibu Pejabat, Pejabat RISDA Negeri, Daerah/Bahagian/Jajahan serta Kumpulan RISDA Holdings yang turut melibatkan para pegawai yang ditauliahkan sebagai *Certified Integrity Officer* (CeIO) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Proses penggubalan juga diperhalusi melalui pelbagai peringkat bermula dengan Jawatankuasa Pembangunan yang telah bertungkus lumus melalui beberapa siri bengkel pembangunan, sesi pemurnian, pembentangan akhir kepada Pengurusan RISDA dan seterusnya dibentangkan kepada Pihak Berkuasa RISDA untuk kelulusan.

Pembangunan RACS 2025-2029 sentiasa mendapat sokongan penuh daripada Pengurusan RISDA yang sentiasa cakna dan konsisten dalam mendukung aspirasi Kerajaan dalam menangani isu rasuah serta salah guna kuasa. Justeru, ***kami dengan ini menyatakan tekad dan iltizam untuk memberi sepenuh komitmen dalam menjayakan semua inisiatif yang telah digariskan dalam RACS 2025-2029.***

“Saya berharap agar impian kita untuk menjadikan RISDA sebuah agensi berprestasi tinggi tercapai, bukan hanya melalui pencapaian material, malah melalui budaya integriti kukuh dalam kalangan warganya. Dengan itu, sudah tentunya kepercayaan dan hubungan kukuh kita bersama pihak berkepentingan dapat dipelihara dengan baik.”



YBrs. Encik Zainal Azni bin Zulkifli
Ketua Pengarah RISDA



HARI PSIKOLOGI & INTEGRITI RISDA 2024

14 November 2024

RINGKASAN EKSEKUTIF

A close-up photograph of a robotic hand with a white and black metallic finish. It is shown from a side-on perspective, gripping a single puzzle piece. The puzzle piece has a dark, wavy pattern. The background is blurred, showing other puzzle pieces scattered on a light-colored surface.


Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) 2024-2028 telah diluncurkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 07 Mei 2024. Melalui Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam, Substrategi 18 telah mewajibkan sektor awam untuk membangunkan pelan pencegahan rasuah berdasarkan penilaian risiko rasuah bagi memastikan setiap organisasi mengariskan strategi-strategi teras yang menyeluruh dalam usaha untuk mencegah amalan rasuah dan salah guna kuasa di peringkat organisasi masing-masing.

Lantaran itu, Unit Integriti RISDA telah mengambil inisiatif sebagai peneraju bagi membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 yang mana dokumen ini akan menjadi dasar utama dan panduan komprehensif kepada RISDA dalam merancang bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Kesinambungan visi Pelan Antirasuah RISDA (RACP) 2019-2023 diteruskan dalam RACS 2025-2029 iaitu Melahirkan Warga RISDA Yang Bebas Rasuah Dan Salah Laku, manakala misi yang ditetapkan adalah Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan Dan Akauntabiliti Berdasarkan Tatakelola Baik.

BAB 1

Penjelasan tentang pengenalan RISDA merangkumi fungsi, struktur organisasi, sumber manusia dan undang-undang yang mengawal organisasi. Pelbagai usaha pemberantasan rasuah melalui pelan-pelan strategik terdahulu yang digubal seperti Pelan Integriti RISDA (PINTAR) dan terakhirnya RACP 2019-2023 dijelaskan secara terperinci. Lanjutnya itu, RACS 2025-2029 digubal sebagai satu kesinambungan usaha selari dengan hala tuju di peringkat Nasional melalui NACS 2024-2028. Penggubalan RACS 2025-2029 berpandukan kepada penilaian terhadap risiko-risiko sedia ada selain penambahan risiko baharu yang dikenalpasti akibat beberapa perubahan medium operasi, peraturan dan sebagainya. Diagnosis tahap risiko dilaksanakan mengikut metodologi yang ditetapkan bagi menentukan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan.



BAB 2

Bagi membangunkan RACS 2025-2029 yang komprehensif sebagai satu dasar yang memperlihatkan komitmen penuh Pengurusan RISDA, ianya dibangunkan melalui pelbagai sumber, peraturan serta arahan seperti NACS 2024-2028, RACP 2019-2023, Arahan-arahan Kerajaan, Laporan *Corruption Risk Management* (CRM), laporan serta maklumbalas operasi dalaman bagi tahun-tahun terdahulu, Pelan Strategik RISDA serta perancangan senario. Perkara ini penting sejajar dengan hasrat Kerajaan melalui aspirasi MADANI dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah.

BAB 3

Menerangkan kerangka penuh RACS 2025-2029 bermula dengan aspirasi sehingga pelan tindakan yang akan dilaksanakan untuk tempoh 5 tahun. Terdapat 4 bidang keutamaan yang digariskan iaitu Pentadbiran, Tatakelola, Kewangan dan Operasi. Berdasarkan bidang keutamaan ini, telah digariskan 4 strategi, 8 objektif strategi serta 91 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh bahagian-bahagian peneraju. Mekanisme pelaksanaan RACS 2025-2029 yang dijelaskan juga disusuli dengan kaedah penyelarasaran, koordinasi, pemantauan serta penilaian secara berkala terhadap pencapaian pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

BAB 4

Merumuskan keseluruhan perjalanan RACS 2025-2029 dari awal pembangunan hingga jangkaan *outcome* yang dihasratkan melalui aspirasi RACS 2025-2029. Disamping itu, ia turut menggambarkan komitmen dan keyakinan RISDA dalam melaksanakan 91 inisiatif yang telah ditetapkan dalam RACS 2025-2029. Strategi yang digubal ini akan menjadi rujukan dan panduan strategik dalam aspek pengukuhan integriti, tatakelola dan pemberantasan rasuah di RISDA. Akhirnya, penghargaan turut dirakamkan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar antirasuah RISDA ini.



JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

HIJRAH TATAKELOLA

Berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan komunikasi secara efisien.

TELUS TADBIRAN

Menyematkan nilai-nilai integriti dalam menjalankan tugas sehari-hari, sentiasa membudayakan amalan semak dan imbang bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan meraikan pandangan yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.



EMPATI RAKYAT

Mendengar dan memahami permasalahan rakyat, sentiasa prihatin dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

APRESIASI INOVASI

Sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan idea-idea baharu bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, meneroka pelbagai inisiatif baharu yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk memartabatkan inisiatif digital baharu yang efisien.



MINDA PEKIN

Sentiasa bersikap cermat dalam membelanjakan dana awam, sentiasa kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda "value for money" dan menjalankan tugas secara kerjasama strategik antara organisasi.

TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

*Majlis Perhimpunan JPA & Amanat Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam Tahun 2024
21 Februari 2024*



SINGKATAN

ABMS	<i>Anti-Bribery Management System</i>	JPM	Jabatan Perdana Menteri
ALP	Ahli Lembaga Pengarah	KRH	Kumpulan RISDA Holdings
BPA	Biro Pengaduan Awam	MJAR	Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah
BDPS	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik	MJTK	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola
BIAD	Bahagian Inspektorat & Audit Dalam	MOF	Ministry of Finance
BTSP	Bahagian Tanam Semula & Perladangan	MS ISO	<i>Malaysian Standard International Organization for Standardization</i>
BPPT	Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi		
BP	Bahagian Pentadbiran	NACP 2019-2023	Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023
BKB	Bahagian Kewangan & Belanjawan	NACS 2024-2028	Strategi Pembanterasan Rasuah 2024-2028
BPU	Bahagian Pembangunan Usahawan	OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
BBIP	Bahagian Bekalan & Input Pertanian	PIN	Pelan Integriti Nasional
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	PINTAR	Pelan Integriti RISDA
BTM	Bahagian Teknologi Maklumat	PKP	Pejabat Ketua Pengarah
BPP	Bahagian Produktiviti Pemasaran	RACP 2019-2023	Pelan Antirasuah RISDA 2019-2023
BAPK	Bahagian Agromakanan & Program Khas	RACS 2025-2029	Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA 2025-2029
BPPS	Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat	RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan
BTek	Bahagian Teknikal		Getah
BKK	Bahagian Komunikasi Korporat	SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
CelO	<i>Certified Integrity Officer</i>	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
CGSO	<i>Chief Government Security Oficer</i>	SPAN	Sistem Pengurusan Amalan Nilai
CRM	<i>Corruption Risk Management</i>	TI	<i>Transparency International</i>
CPI	<i>Corruption Perception Index</i>	TNA	<i>Training Need Analysis</i>
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>	TOR	Term of Reference
IBR	Ikrar Bebas Rasuah	UI	Unit Integriti
IGO	<i>Integrity Governance Officer</i>	UPB	Unit Pihak Berkuasa
IIM	Institut Integriti Malaysia	UUU	Unit Undang-Undang
JTK	Jawatankuasa Tatakelola	YAB	Yang Amat Berhormat
JAN	Jabatan Audit Negara	YB	Yang Berhormat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam		

KANDUNGAN

PERKARA

Amanat Kepimpinan	04
Pernyataan Komitmen	06
Ringkasan Eksekutif	10
Singkatan	14

BAB 1 PENGENALAN

Latar Belakang Organisasi	18
Dasar Integriti dan Tatakelola RISDA	22
Analisis Rasuah di Malaysia	27
Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	30
Penilaian Risiko	31
Bidang-Bidang Berisiko	32

BAB 2 ASPIRASI RISDA


Aspirasi Kerajaan Dalam Membanteras Gejala Rasuah	36
Prinsip Pengurusan Antirasuah RISDA	38

BAB 3 STRATEGI DAN PELAKSANAAN RACS 2025-2029

Carta Pembangunan RACS 2025-2029	44
Kerangka RACS 2025-2029	51
Mengenai Kerangka RACS 2025-2029	52
Ringkasan Pelaksanaan RACS 2025-2029	53
Sasaran dan Analisis Kuadran	55
Keutamaan Strategi: Penekanan 51 Inisiatif	58
Pelan Tindakan RACS 2025-2029	62
Mekanisme Pelaksanaan, Penyelaras, Pemantauan Dan Penilaian RACS 2025-2029	80

BAB 4 KESIMPULAN

Kesimpulan	84
Penghargaan	87
Pasukan Editor	90



BAB 1 | PENGENALAN



i. LATAR BELAKANG ORGANISASI

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Ditubuhkan pada 01 Januari 1973 melalui Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 (Akta 85) dan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, RISDA bertanggungjawab menguruskan sektor pekebun kecil getah yang menjadi tulang belakang kepada industri getah negara.

Sebagai agensi Kerajaan yang berperanan untuk membangunkan sektor pekebun kecil, RISDA bertanggungjawab mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah, melaksanakan program tanam semula termasuk memastikan kesejahteraan kumpulan sasar iaitu pekebun kecil secara keseluruhan. Sektor pekebun kecil telah menyumbang 87.6% daripada pengeluaran getah asli Malaysia yang menjadi komponen utama dalam ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan mengiktiraf peranan sektor ini sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan negara.

RISDA telah menetapkan objektif utama untuk mencapai pengeluaran getah negara sebanyak 1 juta metrik tan setahun menjelang 2030 disamping memperkasakan ekonomi dan produktiviti pekebun kecil. Usaha ini digerakkan melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif selaras dengan visi, misi serta teras strategik yang digariskan dalam Model Transformasi RISDA (MTR) 2026-2030.

Pendekatan ini menekankan penerapan amalan hijau dan pembangunan lestari sebagai asas untuk merangsang pertumbuhan mampan dalam industri getah negara. Pada masa yang sama, usaha ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil tetapi juga memperkuuh daya saing mereka di pasaran global yang mana menjadikan mereka lebih berdaya maju dan relevan dalam menghadapi cabaran ekonomi dunia khususnya sektor getah.



Pemerkasaan pengeluaran, kemakmuran pekebun kecil, pengukuhan sinergi, penguasaan rantaian nilai dan pembangunan organisasi yang berprestasi tinggi adalah teras-teras RISDA yang saling melengkapi dalam memastikan industri getah negara terus maju dan lestari. Operasi RISDA dijalankan melalui struktur organisasi yang tersusun dan menyeluruh di seluruh negara melalui 16 bahagian di Ibu Pejabat, 13 Pejabat RISDA Negeri, 55 Pejabat RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian dan 126 Pejabat RISDA Stesen yang mana keseluruhan operasinya disokong dengan kekuatan sumber manusia seramai 3,883 orang pegawai.

RISDA juga telah menubuhkan syarikat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti komersial untuk pelaksanaan fungsi RISDA selaras dengan Akta RISDA 1972 (Akta 85). Kumpulan RISDA Holdings (KRH) yang terdiri daripada kombinasi empat belas (14) buah subsidiari serta empat (4) sub-subsidiari ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) serta beroperasi secara aktif di bawah Sektor Perladangan dan Sektor Perkhidmatan bagi menjana keuntungan seperti mana yang ditetapkan oleh RISDA selaku perbadanan induk muktamad ("ultimate shareholder"). Selaras dengan Pekeling Perbendaharaan Bil. 12/1993, RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB) telah dipertanggungjawabkan sebagai syarikat induk yang memegang kepentingan RISDA dalam semua subsidiari tersebut.

Melalui pendekatan yang strategik dan inklusif, RISDA terus komited dalam membangunkan sektor pekebun kecil getah di Malaysia agar kekal relevan, berdaya tahan dan berdaya saing seiring dengan pengedaran masa.



VISI

Sebagai Peneraju Utama yang Berprestasi Tinggi dalam Memajukan Kebajikan Pekebun Kecil dan Memastikan Kelestarian Industri Getah Negara



MISI

Menguasai Industri Getah dengan Keterlibatan Sepanjang Rantaian Nilai Berasaskan Revolusi Industri 4.0 disamping Merangsang Pertumbuhan Lestari Amalan Hijau untuk Memperkasa Ekonomi dan Produktiviti Pekebun Kecil




OBJEKTIF

Memastikan Pengeluaran Getah Negara Mencapai 1 Juta Metrik Tan Setahun Menjelang 2030

Fungsi RISDA

- Melaksana dasar dan program Pembangunan
- Menyelaras Skim yang diluluskan
- Melaksana pembaharuan penyelidikan
- Menggalakkan pengeluaran getah berkualiti tinggi
- Memberikan perkhidmatan teknikal dan perundingan
- Menyedia dan membekal input pertanian berhasil tinggi
- Menggalakkan pemasaran getah yang cekap
- Melibatkan diri dalam perdagangan getah
- Merancang pembangunan industri getah dan Pekebun Kecil
- Melaksanakan program latihan dan pendidikan
- Menyebar perangkaan dan menyelenggara rekod
- Menyelaras dengan Negeri-negeri dan badan dalam/luar Negara
- Bekerjasama dengan Agensi Kebangsaan lain berkaitan getah
- Merancang dan melaksana aktiviti peningkatan kesejahteraan dan ekonomi
- Memastikan sektor Pekebun Kecil dimodenkan
- Melakukan perkara yang membolehkan fungsi dilaksana



55 PEJABAT RISDA DAERAH / JAJAHAN BAHAGIAN

126 PEJABAT RISDA STESEN


3,883 ORANG PEGAWAI

KUMPULAN RISDA HOLDINGS



- 01 RISDA Holdings Sdn. Bhd. (RHSB)
- 02 Sinergi Perdana Sdn. Bhd. (SPSB)
- 03 RISDA Estates Sdn. Bhd. (RESB)
- 04 RISDA Agro Sdn. Bhd. (RASB)
- 05 RISDA Livestock Sdn. Bhd. (RLSB)
- 06 RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB)
- 07 RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd. (RSSB)
- 08 RISDA Security and Services Sdn. Bhd. (RSS)
- 09 RISDA Fleet Sdn. Bhd. (RFSB)
- 10 Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PROTAC)
- 11 RISDA Ventures Sdn. Bhd. (RVSB)
- 12 Permodalan RISDA Berhad (PRB)
- 13 PRB Technology Solutions Sdn. Bhd. (PRBTS)
- 14 Kolej RISDA Sdn. Bhd. (KRSB)
- 15 RISDA Bina Sdn. Bhd. (RBSB)
- 16 Sinergi Perdana Marketing Sdn. Bhd. (SPMKTG)
- 17 RISDA Agri Food Industries Sdn. Bhd (RAFI)
- 18 Yayasan RISDA (YR)

ii. DASAR INTEGRITI DAN TATAKELOLA RISDA



Pembangunan dasar antirasuah oleh Kerajaan merupakan inisiatif bagi memupuk dan meningkatkan nilai integriti dalam penyampaian perkhidmatan awam khusus bagi menangani isi-isu rasuah, salah guna kuasa dan tatakelola di dalam sektor awam. Dasar ini menekankan kepentingan ketelusan,

Dalam usaha memperkuuh integriti dan tatakelola khususnya melibatkan perkhidmatan awam negara, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan Kerajaan Malaysia bagi membanteras gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran dana awam. Langkah-langkah ini dirancang dengan teliti untuk mengurangkan isu-isu tersebut secara berkesan seterusnya memastikan ianya dapat dihapuskan sepenuhnya.

Pendekatan yang menyeluruh diambil bertujuan meningkatkan kecekapan serta ketelusan sektor awam, memulihkan kepercayaan rakyat dan memperkuuh imej perkhidmatan Kerajaan. Hasilnya, penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara dapat dipertingkatkan sekaligus menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih mampan dan progresif. Hasrat ini diterjemahkan melalui dasar antirasuah yang telah dibangunkan oleh Kerajaan dan seterusnya disambut oleh RISDA sebagai sebuah Badan Berkutan Persekutuan seperti berikut:

akauntabiliti dan nilai etika dalam menjalankan tugas. Antara lain, ianya turut bertujuan untuk mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam usaha untuk memastikan semua penjawat awam menjalankan tanggungjawab mereka dengan berintegriti.

A. PELAN INTEGRITI RISDA (PINTAR) 2015-2017

Pelan Integriti RISDA (PINTAR) 2015-2017 yang dilancarkan pada 25 Ogos 2015 merupakan salah satu dasar strategik antirasuah terawal yang dibangunkan sebagai satu usaha pembudayaan dan pengukuhan nilai-nilai integriti di RISDA dengan lebih terancang dan bersepadu. Langkah ini diambil sebagai usaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat khususnya kumpulan sasar iaitu pekebun kecil dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan.

Pelaksanaan pelan ini memberi tumpuan kepada peningkatan integriti daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat atas yang melibatkan semua komponen dan sektor iaitu keluarga, komuniti, masyarakat sivil, ekonomi, politik serta pentadbiran. Enam terma rujukan yang digariskan dalam pelan tersebut adalah seperti berikut:

PINTAR 2015-2017 telah disediakan sebagai asas untuk memartabatkan kecemerlangan RISDA melalui penerapan dan pemantapan integriti di kalangan warganya bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Memberikan hala tuju kepada warga RISDA supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, harmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;
- Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga RISDA supaya integriti menjadi budaya dan amalan;
- Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan warga RISDA dengan menjunjung dan menegakkan prinsip-prinsip integriti;
- Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral warga RISDA; dan,
- Memperkasakan tadbir urus organisasi.

1. Dasar dan Perundangan;
2. Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan;
3. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan;
4. Pembudayaan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika;
5. Pengurusan Pelanggan; dan,
6. Membina Permuafakatan dengan Pihak Berkepentingan.

Enam Strategi telah digariskan dalam PINTAR 2015-2017 iaitu:

Strategi 01 Memantapkan keberkesaan tadbir urus terbaik

Strategi 02 Meningkatkan keberkesaan sistem penyampaian perkhidmatan

Strategi 03 Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan integriti

Strategi 04 Memantapkan pentadbiran sistem keadilan

Strategi 05 Memantapkan pengurusan sumber manusia

Strategi 06 Meningkatkan imej korporat



b. PELAN ANTI RASUAH RISDA (RACP) 2019-2023


Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk mencapai aspirasi agar **"Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah"**. Pelan ini dibangunkan selepas mengambil kira pandangan daripada semua pemegang taruh untuk membolehkan Kerajaan menjajarkan strategi ke arah mencapai aspirasi tersebut.

Lanjutan itu, RISDA telah membangunkan Pelan Antirasuah RISDA (RACP) 2019-2023 yang dijadikan sebagai rangka tindakan komprehensif bagi menangani isu integriti, governans dan rasuah dalam organisasi. Pelan ini merupakan satu usaha proaktif yang diharapkan untuk membawa perubahan yang signifikan dalam memerangi rasuah dan mengurangkan salah laku di kalangan warga RISDA.

Melalui RACP 2019-2023, RISDA telah menetapkan strategi dan matlamat khusus yang bertujuan untuk mengukuhkan usaha memerangi rasuah dan salah laku. Strategi ini termasuk memperkuatkukan peraturan dan perundungan yang menjamin kepatuhan lebih ketat terhadap peraturan serta mekanisme bagi menghindari pelbagai bentuk salah laku termasuk melalui penambahan *Standard Operating Procedure* (SOP) disamping pembinaan nilai-nilai etika dan integriti profesional.

RACP 2019-2023 menggariskan **3 Bidang Keutamaan melibatkan 28 risiko serta 153 inisiatif** yang menjadi fokus kepada usaha untuk memperkuuh integriti di kalangan warga RISDA seperti berikut:

Pentadbiran	Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Risiko : 19 Inisiatif : 110
Tadbir Urus Korporat	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Risiko : 7 Inisiatif : 34
Perolehan	Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Risiko : 2 Inisiatif : 9



Bagi tempoh 5 tahun untuk RACP 2019-2023 dilaksanakan, sebanyak 148 daripada 153 inisiatif (96%) telah berjaya dilaksanakan. Kejayaan ini menunjukkan bahawa semua pihak di RISDA khususnya Pengurusan Tertinggi RISDA telah memberikan komitmen penuh bagi menjayakan setiap inisiatif yang digariskan dalam pelan tersebut. RACP 2019-2023 yang telah dibangunkan ini merupakan sebuah dasar antirasuah RISDA yang berkesan berdasarkan pencapaian bagi indikator seperti berikut:



1. Penarafan Semula Risiko Rasuah Agensi oleh SPRM

Pada tahun 2020, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menilai tahap risiko rasuah di RISDA sebagai Tinggi. Penilaian ini menandakan keperluan mendesak untuk organisasi mengambil tindakan segera dalam menangani kelemahan yang dikenal pasti. Lantaran itu, RISDA telah melaksanakan pelbagai inisiatif mitigasi risiko yang berlandaskan pendekatan sistematis dan berimpak tinggi sebagaimana yang digariskan melalui inisiatif-inisiatif dalam RACP 2019-2023.

Hasil daripada usaha bersepadu tersebut, **penarafan risiko rasuah RISDA berjaya diturunkan kepada tahap Sederhana pada tahun 2023**. Perubahan positif ini membuktikan bahawa strategi mitigasi yang dilaksanakan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam RACP 2019-2023 adalah berkesan dalam menurunkan tahap risiko organisasi secara menyeluruh. Ia juga mencerminkan kesungguhan RISDA dalam memastikan operasi organisasinya bebas daripada ancaman rasuah dan salah laku.

3. Kajian Penilaian Keberkesanan RACP 2019-2023

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan RACP 2019-2023, satu kajian komprehensif telah dilaksanakan oleh Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di RISDA. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa **88% responden bersetuju bahawa pelan ini berkesan dalam menangani isu rasuah dan integriti di RISDA**. Penemuan ini memberi gambaran positif terhadap penerimaan dan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil. Responden menyatakan keyakinan bahawa RACP 2019-2023 tidak hanya berjaya mengurangkan risiko rasuah tetapi juga membawa perubahan kepada budaya kerja yang lebih telus, berakauntabiliti dan berintegriti. Dapatkan kajian ini telah dijadikan sebagai satu sumber utama dalam membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029.

2. Keberhasilan serta komitmen dalam pelaksanaan RACP 2019-2023

Sebagai pelan strategik utama membanteras rasuah di RISDA, RACP 2019-2023 telah menggariskan inisiatif antirasuah dan pengukuhan integriti yang perlu dilaksanakan. Daripada keseluruhan 153 inisiatif yang dirancang, sebanyak **148 inisiatif atau 96% telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya** dengan setiap bahagian peneraju memberikan komitmen penuh untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang melibatkan tanggungjawab mereka. Dalam tempoh pelaksanaannya, setiap inisiatif dalam RACP 2019-2023 telah dipantau secara dekat dan teliti oleh Pengurusan RISDA melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Prestasi RACP 2019-2023 serta Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah RISDA (MJAR).

4. Pengiktirafan melalui AIGA 2022

Keberhasilan pelaksanaan inisiatif-inisiatif melalui RACP 2019-2023 turut mendapat pengiktirafan di peringkat nasional melalui penganugerahan Anugerah Perak kepada RISDA bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) anjuran Institut Integriti Malaysia pada tahun 2022. Pengiktirafan ini merupakan satu penghormatan besar kepada RISDA atas usaha gigih dalam mempromosikan nilai-nilai integriti dan tatakelola yang baik.

Pengiktirafan ini juga mencerminkan bahawa usaha memerangi rasuah oleh RISDA bukan sahaja diiktiraf dalam kalangan warga organisasi tetapi turut dihargai oleh pihak luar. Pencapaian ini menambah nilai kepada reputasi RISDA sebagai sebuah Badan Berkanun Pesekutuan yang sentiasa komited dan menyahut seruan Kerajaan dalam memastikan amalan terbaik dalam pengurusan integriti dan antirasuah.



c. STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH RISDA (RACS) 2025-2029



Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang pertama kali digubal pada tahun 2019 sebagai pelan yang komprehensif untuk menggembung segala usaha menangani pelbagai isu berkaitan integriti, tatakelola dan antirasuah.

NACP 2019-2023 diakui sebagai antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia meningkatkan reputasi negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Dalam kalangan 180 buah negara, Malaysia melonjak ke tangga ke-51 pada tahun 2019 berbanding tangga ke-61 pada tahun 2018. Ini adalah prestasi Malaysia yang terbaik sepanjang tempoh lebih 20 tahun penarafan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) untuk Malaysia. Tahun 2023 telah memperlihatkan 85 daripada 111 inisiatif dalam NACP 2019-2023 yang dirancang berjaya dilaksanakan menjadikan kadar pencapaiannya sebanyak 77%.

Pembangunan NACS 2024-2028 kali ini memberi tumpuan utama kepada kesejahteraan rakyat dengan menjadikan agenda Malaysia MADANI sebagai landasan. Kejayaan NACS 2024-2028 akan dapat dicapai melalui sokongan dan kerjasama padu

dari semua pihak termasuk ahli politik, sektor awam, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Manfaat yang dihasilkan tidak hanya dinikmati di peringkat negara tetapi juga memberi impak di peringkat antarabangsa, dengan hasrat memastikan rakyat benar-benar merasai kepentingan tatakelola yang baik, integriti tinggi dan usaha pencegahan rasuah yang berkesan.

Sebagai tanda komitmen RISDA dalam usaha memerangi rasuah, salah guna kuasa dan salah laku, organisasi ini telah memperkenalkan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029. Strategi yang dibangunkan dengan kerjasama semua pihak berkepentingan bertindak sebagai rangka kerja dinamik untuk memperkuuh pelaksanaan langkah pencegahan serta menyokong reformasi strategi yang sedang berjalan.

Pembangunan ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) selaku konsultan utama yang membantu dalam memberi panduan kepada Jawatankuasa Pembangunan RACS 2025-2029. Sebanyak tiga (3) siri bengkel serta dua (2) siri sesi pemurnian telah dilaksanakan sebelum draf akhir pelan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi RISDA dan seterusnya kepada Pihak Berkuasa RISDA.

ANALISIS RASUAH DI MALAYSIA

Rasuah sememangnya satu wabak yang boleh merosakkan keadilan, meruntuhkan kepercayaan awam dan menjaskan peluang pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kesan rasuah yang berlaku di sesebuah negara akan memberi impak negatif kepada individu, masyarakat serta pembangunan negara. Oleh itu, langkah strategik dan bersepada perlu dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung perkara ini.

Antara kesan-kesan utama yang menunjukkan betapa seriusnya rasuah adalah:

Kerosakan Ekonomi – Rasuah akan mewujudkan kos operasi tambahan yang tidak sepatutnya serta pengalihan sumber tidak produktif yang hanya akan menguntungkan pihak tertentu. Selain itu, iaanya akan mengakibatkan pelaburan asing berkurangan, pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta menyebabkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara.

Ketidaksamaan Sosial – Rasuah sering meminggirkan golongan miskin dan meningkatkan ketidaksamaan sosial kerana dana awam yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dialihkan untuk kepentingan peribadi segelintir individu yang berkuasa.

Hilang Kepercayaan terhadap Institusi dan Undang-Undang – Apabila rasuah berleluasa, keyakinan masyarakat terhadap institusi kerajaan, agensi penguatkuasaan, dan sistem kehakiman mula pudar. Ini menimbulkan ketidakstabilan sosial kerana masyarakat merasa tidak dilindungi oleh undang-undang atau peraturan sedia ada.

Kemerosotan Nilai dan Integriti – Rasuah membudayakan ketidakjujuran dan melunturkan nilai moral dalam masyarakat. Ia memberi mesej bahawa penyalahgunaan kuasa untuk keuntungan peribadi adalah sesuatu yang boleh diterima jika tidak ditangani.

Kekangan terhadap Pembangunan Negara – Negara yang mempunyai kadar rasuah tinggi menghadapi kesukaran dalam melaksanakan projek pembangunan dengan berkesan kerana dana diselewengkan, projek terbengkalai dan kualiti infrastruktur merosot.


Di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Malaysia telah menggerakkan semula segala usaha bersepada untuk memulakan reformasi menyeluruh bagi memulihkan integriti dan reputasi negara berpandukan kepada prinsip integriti, tatakelola dan amalan perniagaan yang beretika bagi menghindari daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa.

Kerajaan sedar bahawa usaha untuk menangani rasuah memerlukan usaha serta pendekatan yang menyeluruh khususnya melibatkan sektor awam. Walaupun pelbagai inisiatif reformasi telah dilaksanakan, sistem penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia masih menghadapi cabaran besar di dalam menangani isu berkaitan rasuah termasuk kurangnya ketelusan, kebertanggungjawaban dan campur tangan pihak berkepentingan. Situasi ini melemahkan kepercayaan rakyat terhadap usaha antirasuah dalam sektor awam.

Pada tahun 2018, kira-kira 33% rakyat Malaysia menganggap rasuah sebagai isu utama negara. Hal ini mencerminkan cabaran besar serta keperluan mendesak untuk memperkuuh usaha membanteras gejala rasuah khususnya di dalam mempertingkatkan serta memulihkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan. Pada 2023, kajian komprehensif di seluruh negara turut mendapat sebanyak 41% responden sangat bimbang tentang gejala rasuah di Malaysia, sementara 1 daripada 4 rakyat Malaysia percaya rasuah semakin buruk dalam setahun. Lebih mengejutkan, 67% rakyat Malaysia berpendapat rasuah semakin meningkat dan ini menunjukkan isu rasuah dianggap semakin serius.

Data ini menunjukkan peningkatan kebimbangan rakyat Malaysia terhadap rasuah dari 2019 hingga 2023 yang mencerminkan cabaran besar dalam memerangi rasuah khususnya bagi memulihkan kepercayaan terhadap Kerajaan. Melalui dapatan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2024 menunjukkan tiga (3) sektor yang merekodkan maklumat tinggi rasuah yang diterima adalah melibatkan sektor pentadbiran (36%), penguatkuasaan (24%) dan sektor perolehan (24%).

Amalan rasuah berpunca daripada pelbagai faktor antaranya kegagalan pentadbiran, kawalan dalaman yang lemah, ketidakpatuhan peraturan, konflik kepentingan, kelemahan agensi dan langkah pencegahan yang tidak mencukupi. Kelima-lima faktor ini merangkumi 90% daripada semua aduan yang diterima.



Punca Rasuah Dikenalpasti Melalui Sesi Libat Urus Bersama Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (%)

Melalui dapatan kajian daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2024 mendapati antara jenis rasuah yang kebiasaannya berlaku adalah melibatkan politik wang (80%), suapan untuk mempercepatkan proses (79%) dan penyalahgunaan kuasa (77%). Maka dengan itu, inisiatif yang lebih strategik dan berkesan perlu dirangka agar usaha pencegahan yang spesifik dapat dihasilkan dan dilaksanakan dengan segera.

Sebagai Badan Berkanun Persekutuan (BBP), RISDA juga tidak dapat lari daripada risiko berlakunya rasuah dan salah guna kuasa. Maka dengan itu, empat (4) bidang keутamaan yang diberi fokus dalam RACS 2025-2029 adalah melibatkan bidang pentadbiran, tatakelola, kewangan serta operasi. Bidang keutamaan operasi diberi tumpuan memandangkan ianya melibatkan aktiviti yang berkaitan dengan fungsi utama RISDA dalam memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar iaitu pekebun kecil.

iii. ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Rasuaah adalah ancaman serius yang merosakkan integriti, melemahkan institusi dan menjelaskan pembangunan negara. Ia bukan sahaja melibatkan penyalahgunaan kuasa oleh individu berjawatan tetapi juga berakar umbi dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Usaha membanteras rasuaah sering berdepan dengan cabaran seperti campur tangan politik, kelemahan penguatkuasaan dan ketidakcekapan sistem pentadbiran.

Berikut adalah merupakan isu-isu utama serta cabaran yang dihadapi dalam menangani gejala rasuaah:

1 Pengaruh Tersembunyi

Keputusan oleh pihak pengurusan sering terdedah kepada manipulasi akibat campur tangan pihak lain berkepentingan yang bermotifkan keuntungan peribadi. Campur tangan ini boleh menyebabkan salah tadbir, ketidakpatuhan prosedur dan turut menjurus kepada pelanggaran undang-undang.



2 Pelan Antirasuaah Hanya Dilihat Sebagai Usaha Simbolik

Agenda antirasuaah sering dilihat sebagai simbolik semata-mata dan dianggap tidak menyeluruh dan berkesan untuk membanteras gejala rasuaah secara sistemik. Usaha yang dirancang sering dipandang rendah dan tidak diberikan sokongan penuh oleh semua pihak.



3 Tindakan Punitif Yang Kurang Tegas

Tindakan punitif yang kurang tegas merujuk kepada tindakan yang kurang tegas serta tidak konsisten terhadap pegawai yang melakukan kesalahan. Kelewatian Ketua Pusat Tanggungjawab mengambil tindakan turut dilihat menjadi faktor kepada penyumbang kepada timbulnya unsur 'condonation' (pemaafan) dan ini menyebabkan tindakan dan hukuman yang dikenakan terhadap pegawai tidak diambil serius dan pegawai tidak terkesan dengan tindakan yang dikenakan.



4 Kelemahan Penguatkuasaan Peraturan

Garis panduan serta peraturan yang dibangunkan telah lengkap namun penguatkuasaan terhadap peraturan tidak dijalankan dengan tegas serta konsisten dan ianya sekaligus membuka ruang dan peluang kepada salah guna kuasa, ketirisan dan ketidakpatuhan.



5 Merosotnya Standard Etika dan Integriti

Kemerosotan etika dan integriti dalam organisasi mencetuskan ekosistem rasuaah tidak terkawal sekali gus menghakis kepercayaan serta keyakinan terhadap sistem tadbir urus yang akan mengakibatkan fungsi dan pelaksanaan tanggungjawab di organisasi tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.



iv. PENILAIAN RISIKO

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan penilaian risiko terhadap agensi bagi menentukan model Unit Integriti (UI) yang paling sesuai. Penilaian risiko ini diklasifikasikan kepada tiga tahap iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah berdasarkan faktor seperti situasi gejala rasuah dalam agensi, persepsi masyarakat terhadap rasuah di agensi, jumlah peruntukan yang diterima, bilangan laporan aduan, bidang perkhidmatan utama agensi serta lain-lain indikator yang ditetapkan.

SPRM pada tahun 2023 telah melaksanakan penarafan risiko rasuah ke atas RISDA dan RISDA telah diberi penarafan risiko sebagai agensi berisiko Sederhana. Penarafan risiko ini akan disemak semula oleh SPRM secara berkala setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan. Kaedah yang paling sesuai bagi sesebuah agensi untuk mengenal pasti risiko serta rawatan yang berkesan adalah melalui *Corruption Risk Management* (CRM).

CRM merupakan satu proses pengurusan risiko untuk membantu bagi mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap.

Pembangunan CRM RISDA bermula pada tahun 2017 dengan penglibatan Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM selaku konsultan yang seterusnya disemak semula serta diperbaharui pada tahun 2024 susulan pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 yang dilaksanakan bersama Institut Integriti Malaysia (IIM).

Bengkel Corruption Risk Management (CRM) RISDA tahun 2024 anjuran UI RISDA telah diadakan sebanyak tiga (3) siri melibatkan peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai RISDA di semua peringkat merangkumi Bahagian, Negeri dan Daerah termasuk Kumpulan RISDA Holdings (KRH) yang juga merupakan *Certified Integrity Officer* (CeIO) dengan kekuatan seramai 33 orang yang mana IIM telah bertindak selaku konsultan utama dalam membangunkan CRM RISDA.

Sesi bengkel dijalankan dengan peserta dibahagikan kepada kumpulan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing di mana setiap kumpulan bertanggungjawab mengisi borang pendaftaran risiko berkaitan dengan risiko yang dikenal pasti dalam tugas mereka. Setelah itu, UI RISDA bersama IIM menilai dan menganalisis risiko tersebut untuk menentukan tahap risiko serta merangka pelan tindakan bagi mendapatkan rawatan yang paling sesuai bagi mengatasi punca-punca kepada risiko berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan salah laku di RISDA.

RISDA turut memanfaatkan pelbagai sumber maklumat dan data dalam mengenal pasti risiko rasuah termasuk melalui Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tata tertib, Laporan Aduan, Laporan Audit Dalaman serta Laporan Tahunan. Keseluruhan data ini membantu memberikan gambaran menyeluruh terhadap potensi risiko yang wujud berdasarkan kluster yang ditetapkan. Berdasarkan analisis melalui CRM RISDA yang terkini, jumlah risiko yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:





v. BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berikut adalah bidang-bidang berisiko yang dikenalpasti melalui CRM RISDA dan seterusnya dijadikan sebagai bidang keutamaan dalam Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029:

1. Pentadbiran

Sektor pentadbiran memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan keberkesanannya operasi sesebuah organisasi. Dalam konteks pencegahan rasuah, pengurusan yang baik di sektor pentadbiran adalah atas kepada tatakelola yang cekap, telus dan bertanggungjawab.

Pengurusan pentadbiran yang baik dapat mencerminkan komitmen terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan melalui transformasi sistem penyampaian yang bertujuan mencapai kecemerlangan operasi. Dalam masa yang sama, fokus diberikan kepada pembangunan sumber manusia yang kompeten dan berkemahiran tinggi untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi standard unggul, sejajar dengan keperluan serta harapan kumpulan sasar.

2. Tatakelola

Tatakelola atau tadbir urus merujuk kepada kerangka dan prinsip yang memandu bagaimana sesuatu organisasi atau institusi dikendalikan dan diuruskan.



Dalam konteks sektor awam, tatakelola yang baik adalah atas kepada pengurusan yang telus, cekap dan berakauntabiliti. Ia bertujuan untuk memastikan setiap keputusan dan tindakan dilaksanakan dengan mematuhi etika serta bertanggungjawab.

Bidang ini menekankan pentingnya membina sistem pengurusan tadbir urus yang telus dan berintegriti yang menjadi asas utama dalam setiap proses pengurusan. Selain itu, mekanisme semak imbang yang kukuh diperkenalkan untuk memastikan pengurusan maklumat dilaksanakan secara sistematik dan beretika sekaligus memperkuatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap RISDA.



3. Kewangan

Pengurusan kewangan adalah elemen yang penting untuk memastikan peruntukan dan sumber kewangan digunakan dengan berkesan, cekap dan berintegriti. Pengurusan kewangan yang baik bukan sahaja memastikan kelangsungan operasi pengurusan tetapi juga dapat menyediakan prosedur yang telus yang mampu memastikan kepentingan dan sumber organisasi dilindungi.

Keperluan memperkuatkan ketelusan dalam urusan kewangan ditekankan untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan berkesan disamping menitikberatkan akauntabiliti serta profesionalisme pegawai dalam pengurusan perolehan. Pendekatan ini bertujuan mengelakkan risiko rasuah, meningkatkan kepercayaan terhadap sistem kewangan dan memastikan setiap keputusan kewangan dilaksanakan secara berintegriti.



4. Operasi

Bidang operasi merujuk kepada aktiviti utama organisasi yang memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan efektif kepada kumpulan sasar.

Ini melibatkan pelaksanaan inisiatif atau program khusus, pengurusan sumber dan pentadbiran perkhidmatan yang memenuhi keperluan serta kehendak pelanggan. Oleh yang



demikian, bidang ini memerlukan pemantauan yang rapi kerana sering kali menjadi sasaran untuk pelbagai bentuk salah laku, penyelewengan serta risiko ketidakpatuhan yang tinggi.

Bagi pelaksanaan operasi RISDA, ianya melibatkan operasi-operasi utama merangkumi program tanam semula, bekalan input pertanian, pembangunan usahawan, produktiviti dan pemasaran serta khidmat pengembangan yang mana operasi ini merupakan perkhidmatan-perkhidmatan utama yang disediakan kepada kumpulan sasar iaitu pekebun kecil.

Melalui bidang operasi dalam RACS 2025-2029 menekankan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan pengurusan yang berintegriti di samping memperkuuh amalan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pekebun kecil.

BAB 2 | ASPIRASI RISDA





i. ASPIRASI KERAJAAN DALAM MEMBANTERAS GEJALA RASUAH.

Kepentingan menangani isu rasuah secara holistik perlu dititik beratkan memandangkan impak yang akan dialami akan menyebabkan sesebuah insitusi itu diragui. Sedemikian, Kerajaan Malaysia dengan iltizam yang teguh bagi membendung gejala rasuah telah membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang dirangka bagi mencapai visi sebuah negara yang bebas rasuah sejajar dengan kerangka Malaysia MADANI yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju negara ke arah sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

YAB Perdana Menteri, Dato Seri Anwar bin Ibrahim berhadapan dengan cabaran besar untuk membanteras rasuah dan memulihkan keyakinan rakyat. Sedemikian, NACS 2024-2028 yang diluncurkan pada 07 Mei 2024 direncanakan sebagai sebuah strategi proaktif dalam menghadapi isu ini secara menyeluruh dengan aspirasi nasional Kerajaan iaitu Membangun Malaysia MADANI

MADANI bermaksud:

“Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan Masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk Masyarakat – dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan, manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.”




NACS 2024-2028 direka dengan pendekatan yang holistik bagi memastikan ia memenuhi aspirasi masyarakat. Usaha ini melibatkan pelbagai inisiatif seperti meningkatkan ketelusan, mengukuhkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban di semua sektor serta membendung salah guna kuasa. Di samping itu, usaha turut tertumpu kepada penghapusan campur tangan politik dan pengaruh pihak tertentu yang akan membanteras nepotisme dan kronisme serta mengurangkan penyelewengan dan salah laku.

Melalui pelaksanaan strategi ini, matlamat utama adalah untuk memperkuatkannya integriti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Ini bukan sahaja bertujuan memelihara kepercayaan rakyat, tetapi juga untuk meningkatkan reputasi

dan persepsi Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara yang tegas dalam usaha membanteras rasuah.

Melalui Visi "Malaysia ke Arah Negara Bebas Rasuah dan Makmur", Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan negara yang bersih, telus, dan bertanggungjawab bersandarkan tiga (3) misi iaitu menjunjung kedaulatan undang-undang, mewujudkan budaya ketelusan dan kebertanggungjawaban serta mendorong masyarakat terlibat aktif dalam menyokong strategi mahupun usaha antirasuah.

Visi dan misi yang dinyatakan dalam NACS 2024-2028 dicapai melalui empat (4) sasaran khusus menjelang tahun 2028 yang telah dikenal pasti seperti berikut:



Membanteras rasuah adalah tanggungjawab kolektif yang memerlukan usaha dari semua lapisan masyarakat termasuk agensi Kerajaan seperti RISDA.

YAB Perdana Menteri telah memberi penekanan termasuk arah yang jelas bagi memastikan usaha ini dapat direalisasikan melalui NACS 2024-2028.


Dengan aspirasi Kerajaan ini, RISDA sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap pekebun kecil dan perusahaan getah perlu melaksanakan langkah-langkah strategik yang ditetapkan untuk memastikan sektor ini bebas daripada elemen rasuah. Dengan komitmen dan usaha berterusan, diharapkan peranan RISDA ini mampu menyumbang ke arah menjadikan Malaysia negara yang lebih baik termasuk mencapai sasaran khusus yang ditetapkan dalam NACS 2024-2028.

ii. PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH RISDA

Dalam memastikan pengurusan antirasuah yang berkesan, adalah amat penting untuk ses sebuah organisasi itu untuk mengambil pendekatan serta kaedah yang tersusun bagi mencegah, mengesan dan merancang tindakan untuk membendung gejala tersebut. Penekanan berkaitan integriti terhadap setiap individu dalam organisasi perlu dilaksanakan agar mereka memahami kepentingan serta kesan yang dialami sekiranya berlakunya ketidakpatuhan terhadap undang-undang, peraturan serta etika organisasi.

RISDA sebagai agensi utama dalam memperkasa pekebun kecil, memikul tanggungjawab besar bukan hanya dalam pembangunan ekonomi tetapi juga memastikan integriti dan ketelusan dalam setiap pelaksanaan program. Dalam usaha membendung gejala rasuah, salah guna kuasa serta salah laku yang boleh merencatkan penyampaian perkhidmatan kepada pekebun kecil, RISDA komited untuk mengukuhkan budaya kerja berintegriti, melaksanakan sistem pengurusan yang telus, serta meningkatkan kesedaran warga kerja dan pekebun kecil untuk menghindari amalan rasuah.

Dengan aspirasi menjadikan RISDA dikenali kerana Integriti dan bukannya rasuah, RISDA bertekad untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar dilaksanakan secara adil selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.



ASPIRASI RISDA

RISDA DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH

VISI

KE ARAH MELAHIRKAN WARGA RISDA YANG BEBAS RASUAH DAN SALAH LAKU

Rasuah adalah kanser yang mana bukan sahaja boleh menggugat kestabilan serta keharmonian RISDA, malah boleh merosakkan imej dan tunjang nilai setiap warga RISDA. Masalah ini telah menjadi budaya di kalangan masyarakat khususnya untuk memperolehi sesuatu tanpa melalui proses yang sepatutnya. Amalan rasuah ini mesti dihapuskan agar hasrat untuk menjadikan RISDA sebagai agensi berprestasi tinggi dan berintegriti dapat direalisasikan.

MISI

MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI BERDASARKAN TATAKELOLA BAIK

Amalan pengurusan tatakelola yang baik dalam organisasi adalah penting untuk memastikan sesebuah organisasi itu dapat menguruskan dan mengendalikan urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat terutama kepada golongan sasar secara cekap dan berkesan. Hal ini adalah untuk memastikan setiap urusan dan proses yang dilaksanakan adalah secara telus dan bebas daripada sebarang anasir rasuah atau salah guna kuasa. Dengan itu, setiap perkhidmatan yang disampaikan akan menepati kehendak masyarakat dan memberi impak positif kepada mereka. Organisasi yang sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara konsisten dan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan mampu menjadi sebuah organisasi yang kukuh dan berdaya saing serta dapat menjelaskan persepsi yang baik oleh masyarakat

MATLAMAT

EFISIEN DAN RESPONSIF DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Memastikan penyampaian perkhidmatan RISDA yang terbaik, berkualiti, menepati kehendak kumpulan sasar berintegriti serta sama sekali tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.



Bagi merealisasikan aspirasi, visi, misi, dan matlamat yang disasarkan oleh RISDA, lima (5) prinsip utama yang menjadi asas kepada memastikan pengurusan antirasuah yang cekap, berkesan dan berintegriti adalah seperti berikut:

PRINSIP 1: KESEDIAAN DAN KOMITMEN PENUH PENGURUSAN TERTINGGI RISDA TERHADAP PELAKSANAAN INISIATIF ANTIRASUAH



Sebagai teras strategik dalam mencapai aspirasi RISDA, Pengurusan Tertinggi RISDA bertanggungjawab memastikan budaya integriti dan tatakelola yang baik menjadi aspek-aspek yang perlu dititikberatkan dalam setiap urusan pentadbiran. Melalui pelaksanaan langkah-langkah yang telus dan berlandaskan etika kerja organisasi, semua urusan operasi serta keputusan yang diambil perlu dijalankan tanpa kompromi terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku.

Komitmen pengurusan tertinggi juga melibatkan usaha proaktif untuk mengenal pasti dan mengurus risiko rasuah secara sistematik. Dengan memberikan sokongan penuh terhadap tindakan tegas ke atas sebarang pelanggaran, perkara ini boleh menjadikan RISDA akan terus kekal sebagai organisasi yang dipercayai dan berintegriti. Melalui prinsip ini, Pengurusan Tertinggi RISDA menetapkan beberapa aspek yang perlu diberi penekanan seperti berikut:

a. Pembangunan Dasar dan Polisi Integriti

Menggubal dan menyebarkan dasar dalaman berkaitan integriti, tatakelola dan antirasuah bagi memastikan amalan tatakelola yang baik serta konsisten di semua peringkat pusat tanggungjawab di RISDA.

b. Pemantauan dan Penilaian Berkala

Menjalankan penilaian risiko dan auditan secara berkala terhadap semua program serta aktiviti RISDA untuk mengenal pasti dan menangani sebarang kelemahan yang berpotensi membuka kepada amalan rasuah, salah guna kuasa serta salah laku oleh warga RISDA.

c. Sokongan kepada Sistem Pengurusan Aduan

Menggalakkan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) untuk mempermudahkan proses aduan serta melindungi pemberi maklumat melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (PPPM).

d. Kempen Kesedaran dan Pengukuhan Integriti

Melaksanakan program pengukuhan integriti dan kempen kesedaran berterusan untuk membudayakan nilai integriti di kalangan warga RISDA dan semua pihak berkepentingan.

e. Laporan Prestasi dan Tindakan

Memastikan laporan berkala mengenai hasil siasatan, penilaian risiko dan prestasi antirasuah dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi RISDA untuk memastikan ketelusan dan tindakan susulan bersesuaian yang perlu dilaksanakan.

Dengan memastikan penekanan kepada aspek-aspek ini, usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa serta salah laku menjadi sebahagian daripada komitmen Pengurusan Tertinggi RISDA yang berterusan dalam menjadikan RISDA sebagai sebuah agensi beprestasi tinggi dan berintegriti.

PRINSIP 2: MEMASTIKAN PENILAIAN RISIKO RASUAH DILAKUKAN SECARA KONSISTEN DAN BERKALA

Sebagai langkah awal dalam usaha mencegah gejala rasuah, adalah penting untuk menilai dan mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam organisasi. Dalam konteks ini, RISDA mengambil pendekatan yang tersusun dengan melaksanakan *Corruption Risk Management* (CRM) secara berkala dan berterusan bagi memastikan setiap potensi risiko dapat dikendalikan dengan rawatan yang sewajarnya.

Melalui CRM ini juga, dasar, peraturan atau garis panduan yang relevan akan dibangunkan bagi membolehkan RISDA memantau dan mengawal dengan lebih baik sebarang ancaman yang boleh menggugat integriti setiap warganya.

PRINSIP 4: MELAKUKAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BERTERUSAN UNTUK MENILAI KEJAYAAN PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI ORGANISASI

Dalam usaha memastikan kejayaan dan keberkesanannya program pengukuhan integriti, RISDA akan melaksanakan pemantauan dan penilaian yang berterusan terhadap setiap aspek pelaksanaannya. Aktiviti ini dijalankan untuk menilai sejauh mana inisiatif yang diambil dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan disamping memastikan setiap langkah yang diambil selaras dengan prinsip-prinsip tatakelola yang baik.

Pemantauan dan penilaian yang dilakukan secara berkala ini memberi gambaran jelas tentang pencapaian program serta mengenal pasti sebarang kekurangan atau cabaran yang perlu ditangani. Dengan kaedah ini, sebarang penambahbaikan dapat dilaksanakan termasuk merancang inisiatif baharu yang boleh dilaksanakan. Melalui pendekatan ini, RISDA dapat memastikan inisiatif pengukuhan integriti dapat dilaksanakan secara berkesan dan mampu memberi impak positif disamping membangun kepercayaan warga RISDA dan kumpulan sasar terhadap usaha RISDA dalam mencapai aspirasi yang diharapkan.

PRINSIP 3: MEMPERKUKUHKAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN DALAMAN

RISDA bertekad untuk memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam memperkuuhkan sistem kawalan dalaman sedia ada bagi memastikan segala bentuk risiko rasuah dapat dikendalikan dengan lebih berkesan. Tindakan ini adalah penting untuk mengatasi sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam struktur organisasi, proses serta prosedur yang sedang atau akan dilaksanakan oleh RISDA.

Dengan memperkasakan kawalan dalaman, RISDA bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya setiap operasi yang dijalankan, malah dapat memastikan integriti setiap peringkat pengurusan dan pelaksanaan program dapat terpelihara. Langkah ini akan memastikan mekanisme pengawasan yang lebih telus, berdaya tahan serta mampu mencegah sebarang potensi amalan rasuah, salah guna kuasa serta salah laku dalam perkhidmatan yang diberikan.

PRINSIP 5: MERENCANA DAN MENYEDIAKAN LATIHAN BERKAITAN PEMANTAPAN INTEGRITI, TATAKELOLA DAN USAHA MENCEGAH RASUAH

Usaha untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang komprehensif amat diberi penekanan oleh Pengurusan Tertinggi RISDA khususnya dalam bidang pemantapan integriti, tatakelola dan usaha mencegah rasuah. Pelaksanaan latihan ini adalah bertujuan untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memahami prinsip-prinsip integriti yang tinggi, pengurusan yang baik serta langkah-langkah pencegahan rasuah yang berkesan. Program latihan yang dirancang akan disesuaikan dengan keperluan dan konteks RISDA sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab terhadap masyarakat di luar bandar yang menyediakan perkhidmatan secara terus kepada masyarakat.

Dengan pendekatan yang berstruktur ini, RISDA yakin dapat memperkuuhkan budaya integriti di semua peringkat organisasi dan memastikan setiap warganya mempunyai komitmen yang tinggi terhadap prinsip tatakelola yang baik dan bebas daripada rasuah.



BAB 3 | STRATEGI DAN PELAKSANAAN RACS 2025-2029





Sebagai usaha untuk menyumbang bagi mencapai visi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah dan makmur, RISDA bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran organisasi dilaksanakan dengan cekap, telus dan berintegriti. Sedemikian, pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 ini telah mengambil kira pelbagai faktor termasuk lanskap semasa tatakelola, cabaran-cabaran baharu dalam era digital serta pengajaran daripada pelaksanaan inisiatif antirasuah terdahulu.


RACS 2025-2029 telah dibangunkan melalui proses konsultasi yang menyeluruh melibatkan semua pihak berkepentingan bagi memastikan pendekatan secara inklusif dilaksanakan agar setiap strategi dan tindakan yang dirangka adalah praktikal, relevan dan mampu dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh itu, dasar strategik melalui RACS 2025-2029 ini akan menggariskan pendekatan sistematik RISDA dalam usaha pembanterasan rasuah melalui penetapan aspirasi, visi, misi, strategi serta teras strategik yang jelas termasuk inisiatif-inisiatif yang boleh diukur bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Ia turut mengambil kira keperluan untuk memperkuatkannya integriti setiap pegawai RISDA serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti dan telus.



i. CARTA PEMBANGUNAN RACS 2025-2029

ROADMAP RACS 2025 - 2029



TAKLIMAT KICK-OFF PEMBANGUNAN RACS 2025-2029



BENGKEL PEMBANGUNAN RACS 2025-2029



PEMURNIAN RACS 2025-2029



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN RACS 2025-2029



PEMBENTANGAN RACS 2025-2029 KEPADAI PIHAK BERKUASA RISDA



PEMBENTANGAN AKHIR RACS 2025-2029 KEPADA PENGURUSAN RISDA



ii. KERANGKA RACS 2025-2029



ASPIRASI
RISDA

RISDA DIKENALI KERANA INTEGRITI
BUKANNYA RASUAH



VISI

KE ARAH MELAHIRKAN WARGA RISDA YANG BEBAS RASUAH DAN SALAH LAKU



MISI

MENINGKATKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI
BERDASARKAN TATAKELOLA BAIK



BIDANG
KEUTAMAAN

PENTADBIRAN

TATAKELOLA

KEWANGAN

OPERASI



STRATEGI

MEMPERKUKUHKAN
KECEKAPAN
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

MEMUPUK
TATAKELOLA YANG
BAIK MELALUI
KAWAL SELIA
YANG KUKUH

MEMPERKUKUHKAN
ORGANISASI
DALAM
PENGURUSAN
KEWANGAN

MEMPERTINGKATKAN
KEBERKESANAN DAN
KETELUSAN OPERASI
PEMBANGUNAN



TERAS
STRATEGIK

ILTIZAM DAN KOMITMEN PENGURUSAN

iii. MENGENAI KERANGKA RACS 2025-2029



Kerangka ini secara keseluruhan bertujuan untuk memperkuuh nilai integriti, tatakelola serta memastikan amalan antirasuah yang berkesan dilaksanakan disamping menggalakkan prinsip pengurusan yang cemerlang melalui pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh RISDA.



IV. RINGKASAN PELAKSANAAN RACS 2025-2029







STRATEGI
01

MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI
02

MEMUPUK TATAKELOLA YANG BAIK
MELALUI KUALITI KAWALAN SELIA
YANG KUKUH

STRATEGI
03

MEMPERKASA ORGANISASI DALAM
PENGURUSAN KEWANGAN

STRATEGI
04

MEMPERTINGKATKAN
KEBERKESANAN DAN KETELUSAN
OPERASI PEMBANGUNAN

KOMPLEKSITI

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan



vii. KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 51 INISIATIF

No.	Rancangan Tindakan / Inisiatif	Kuadran
1	Memperkasa prosedur Pemeriksaan Aset Tak Alih melalui pewujudan Tatacara Pengurusan Harta Tanah RISDA.	A
2	Memperkasa dan mengguna pakai sepenuhnya Sistem e-Harta Tanah RISDA.	A
3	Melaksanakan penilaian semula harta tanah RISDA termasuk menetapkan kadar sewaan Aset Tak Alih yang seragam dan bersesuaian.	A
4	Melaksanakan semakan pematuhan secara berkala berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih.	A
5	Mengkaji untuk melaksanakan projek rintis penggunaan peralatan mesra tenaga di premis RISDA untuk menjimatkan penggunaan utiliti.	A
6	Melaksanakan auditan pematuhan berkaitan Pengurusan Aset Alih RISDA.	A
7	Mewujudkan dan mengguna pakai sistem pemantauan perisian yang memantau penggunaan perisian luar serta perubahan komponen pada aset Information Communication Technology (ICT) RISDA.	B
8	Menerima pakai Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2024: Garis Panduan Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam dan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2024: Garis Panduan Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam.	A
9	Membangunkan kaedah serta prosedur Pencegahan Kebocoran Data yang menghadkan keupayaan pengguna untuk menyalin data tanpa kebenaran.	B
10	Melaksanakan pusingan kerja secara mandatori di semua Unit berisiko tinggi rasuah dan salah guna kuasa termasuk mengambil kira untuk menjadikannya petunjuk prestasi utama (KPI) Ketua Pusat Tanggungjawab berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).	A
11	Membangunkan Pelan Keselamatan Siber 2.0 selaras dengan ISO/ICE 27001:2022 (ISMS).	A
12	Mewujudkan Garis Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Persatuan dan Kelab di RISDA.	A

No.	Rancangan Tindakan / Inisiatif	Kuadran
13	Membangunkan dan mengguna pakai Sistem Pengurusan Pertubuhan RISDA (SPPR).	A
14	Menyemak semula dan meneruskan kesinambungan Pelan Strategik RISDA melalui pembangunan Model Transformasi RISDA (MTR) 2026-2030.	A
15	Melaksanakan kaedah pemantauan menerusi BluePrint (Score Card) setiap peneraju yang akan disesuaikan dengan MyPerformance.	A
16	Mengkaji dan menambahbaik kaedah serta mekanisme pengambilan pegawai berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).	A
17	Mewajibkan pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans Integriti dan Antirasuah (MPGIA) melibatkan kursus-kursus dalaman kepada pegawai RISDA sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021.	A
18	Menguatkuasa penggunaan i-RAMS di semua Pusat Tanggungjawab RISDA.	B
19	Melaksanakan Auditan Pematuhan Peraturan Kad Perakam Waktu.	A
20	Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Pengurusan Tindakan Tatatertib secara menyeluruh termasuk memperkasa elemen peranan dan tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab.	A
21	Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Kelulusan Pekerjaan Luar termasuk menetapkan had tempoh kelulusan yang diberikan.	A
22	Melaksanakan saringan urin secara berkala melibatkan semua pegawai di Pusat Tanggungjawab dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).	A
23	Mengadakan kempen pembudayaan RISDA Bebas Dadah dengan hebahan kepada semua Pusat Tanggungjawab.	A
24	Memperkasa Pengurusan Tatakelola di RISDA melalui pemakaian Surat Pekeliling Am 5 Tahun 2024: Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan.	A

25	Menyemak semula dan mengemaskini Terma Rujukan Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah Piuh Berkua RISDA.	A
26	Menyemak semula dan mengemaskini Garis Panduan Mekanisme Penurunan Kuasa di setiap peringkat pengurusan.	A
27	Memperkenalkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan berdasarkan Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Kerajaan.	A
28	Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Pengurusan Pelaburan RISDA.	A
29	Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Sumbangan Sosial Korporat (CSR).	A
30	Mewajibkan semua pihak yang terlibat dalam urusan Sumbangan Sosial Korporat (CSR) RISDA menandatangani Integrity Pact berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	A
31	Menyemak semula dan menambah baik Terma Rujukan Pengurusan Dana Tabung Peningkatan Imej RISDA.	A
32	Melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bagi mengkaji keperluan pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO:37001 di RISDA.	A
33	Memastikan integriti data banci pekebun kecil melalui pelaksanaan program Mopping Up data banci 2.0 dengan merujuk kepada data-data primer iaitu e-Spek 2.0, e- SRM, i-Power, SmartMap dan e-BMT.	A
34	Memastikan pelaksanaan audit dalam yang teratur dan berintegriti melalui pengwujudan Garis Panduan Pengurusan Audit Dalam RISDA.	A
35	Memperkasa dan menambah baik garis panduan berkaitan dana akaun RISDA yang dipindah urus ke Kumpulan RISDA Holdings.	A
36	Menyemak semula dan menambah baik perjanjian pindah urus dana antara RISDA dan Kumpulan RISDA Holdings bagi memastikan kepentingan RISDA dan Kumpulan RISDA Holdings terpelihara.	A
37	Melaksanakan auditan ke atas pengurusan dana akaun RISDA yang dipindah urus ke Kumpulan RISDA Holdings.	A
38	Melaksanakan auditan pematuhan peraturan berkaitan tuntutan peribadi.	A

39	Mewujudkan Polisi Rujukan Kepada Agensi Penguatkuasa.	A
40	Mengkaji dan menyemak semula tempoh penempatan bagi pegawai-pegawai kejeruteraan sedia ada di Pejabat RISDA Negeri dengan keperluan untuk melaksanakan pusingan kerja.	A
41	Mengintegrasikan Sistem Perolehan Elektronik (SPE) dengan Sistem Kewangan RISDA (RaFIS).	B
42	Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Tanam Semula RISDA termasuk menambah baik tatacara bagi lawatan pemeriksaan kebun oleh pegawai.	A
43	Menambahbaik Sistem i-PoWeR tanam semula dengan mewujudkan elemen bukti-bukti secara visual bagi membolehkan setiap kesalahan taksiran serta laporan dapat dikenalpasti sebelum kelulusan atau pengesahan diberikan.	A
44	Mewujudkan Change Agent i-PoWeR Tanam Semula di setiap Pejabat RISDA Negeri.	A
45	Mengintegrasikan Sistem Pemantaun Baja (SPB) dan e-Benih dalam modul Sistem I-PoWeR Bekalan.	B
46	Memperkasa mekanisme pemantauan usahawan secara atas talian melalui penguatkuasaan RISDAprenuer Management System (RMS).	A
47	Melaksanakan kajian impak bagi mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan program dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).	A
48	Melaksanakan kajian impak bagi mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan program khidmat pengembangan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).	A
49	Melaksanakan auditan pematuhan peraturan bagi program khidmat pengembangan.	A
50	Memperkasa mekanisme pemantauan projek secara atas talian melalui penguatkuasaan RISDAprenuer Management System (RMS).	A
51	Menyemak semula dan menambah baik sistem Portal Pekebun Kecil Modul Permohonan, e-BMT dan RaFIS merangkumi permohonan, semakan, kelulusan, bayaran, laporan dan statistik.	B

Viii. PELAN TINDAKAN RACS 2025-2029

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN BIDANG KEUTAMAAN 01: PENTADBIRAN



STRATEGI 1

MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN ORGANISASI



OBJEKTIF
STRATEGIK 1.1

MEREKAYASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH PENTADBIRAN YANG CEMERLANG



OBJEKTIF
STRATEGIK 1.2

MENINGKATKAN KUALITI SUMBER MANUSIA YANG MEMENUHI KOMPETENSI DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG UNGGUL.

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN		
STRATEGI 1		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN ORGANISASI		
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1		MEREKAYASA PERKHIDMATAN KE ARAH PENTADBIRAN YANG CEMERLANG		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Pegawai gagal menguruskan Aset Tak Alih RISDA mengikut peraturan hingga menyebabkan ketirisan kewangan, salah guna kuasa dan pembaziran.	1. Memperkasa prosedur Pemeriksaan Aset Tak Alih melalui pewujudan Tatacara Pengurusan Harta Tanah RISDA.	BP	1 Tahun (2025)
		2. Memperkasa dan mengguna pakai sepenuhnya Sistem e-Harta Tanah RISDA.	BP	1 Tahun (2025)
		3. Melaksanakan penilaian semula harta tanah RISDA termasuk menetapkan kadar sewaan Aset Tak Alih yang seragam dan bersesuaian.	BP	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
		4. Melaksanakan semakan pematuhan secara berkala berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih.	BP	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
		5. Mengkaji untuk melaksanakan projek rintis penggunaan peralatan mesra tenaga di premis RISDA untuk menjimatkan penggunaan utiliti.	BTek	2 Tahun (2025-2026)
		6. Membangunkan kepakaran <i>Forensic Building</i> di kalangan pegawai melalui penyertaan dalam latihan yang dianjurkan oleh entiti kejuruteraan bertauliah.	BTek	2 Tahun (2025-2026)
2	Pegawai menyalahguna kedudukan untuk kepentingan peribadi dalam pengurusan Aset Alih RISDA.	1. Melaksanakan auditan pematuhan berkaitan Pengurusan Aset Alih RISDA.	BIAD	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
		2. Mewujudkan dan mengguna pakai sistem pemantauan perisian yang memantau penggunaan perisian luar serta perubahan komponen pada aset <i>Information Communication Technology</i> (ICT) RISDA.	BTM	2 Tahun (2025-2026)




ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		3. Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Kenderaan RISDA. 4. Menambah baik Modul Pengurusan Aset Tak Alih dengan mewajibkan slot Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).	BP	1 Tahun (2025)
3	Pegawai membocorkan maklumat sensitif dan terperingkat daripada pengkalan data RISDA.	1. Menerima pakai Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2024: Garis Panduan Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam dan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2024: Garis Panduan Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam. 2. Membangunkan kaedah serta prosedur Pencegahan Kebocoran Data yang menghadkan keupayaan pengguna untuk menyalin data tanpa kebenaran.	BTM	1 Tahun (2025)
		3. Melaksanakan pusingan kerja secara mandatori di semua Unit berisiko tinggi rasuah dan salah guna kuasa termasuk mengambil kira untuk menjadikannya petunjuk prestasi utama (KPI) Ketua Pusat Tanggungjawab berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).	BPSM	5 Tahun (2025 - 2029)
		4. Membangunkan Pelan Keselamatan Siber 2.0 selaras dengan ISO/ICE 27001:2022 (ISMS).	BTM	1 Tahun (2025)
4	Pegawai tidak mematuhi panduan kerja yang ditetapkan berdasarkan MyPortfolio.	1. Menyemak semula dan menambahbaik panduan kerja pegawai dengan membangunkan MyPortfolio berdasarkan status penggredan Pusat Tanggungjawab yang seragam. 2. Mewujudkan <i>Flying Squad</i> MyPortfolio RISDA dan melaksanakan semakan pematuhan berkala untuk memastikan MyPortfolio pegawai sentiasa dikemaskini.	BP	1 Tahun (2025)
			BP	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)

ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		3. Melaksanakan latihan serta kefahaman berkenaan panduan kerja berdasarkan MyPortfolio kepada pegawai-pegawai bertanggungjawab.	BP	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
5	Pegawai memanipulasi dan menyalah guna kedudukan dalam pengurusan pertubuhan, persatuan, kelab, badan kebajikan dan sukan Pusat Tanggungjawab.	1. Mewujudkan Garis Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Persatuan dan Kelab di RISDA.	BP	1 Tahun (2025)
		2. Membangunkan dan mengguna pakai Sistem Pengurusan Pertubuhan RISDA (SPPR).	BTM	1 Tahun (2025)
6	Pegawai menjelaskan penyampaian perkhidmatan termasuk gagal mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dalam pelaksanaan Pelan Strategik RISDA.	1. Menyemak semula dan meneruskan kesinambungan Pelan Strategik RISDA melalui pembangunan Model Transformasi RISDA (MTR) 2026-2030.	BDPS	1 Tahun (2025)
		2. Melaksanakan kaedah pemantauan menerusi <i>BluePrint (Score Card)</i> setiap peneraju yang akan disesuaikan dengan MyPerformance.	BDPS	Setiap tahun sekali (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN		
STRATEGI 1		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN ORGANISASI		
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2		MENINGKATKAN KUALITI SUMBER MANUSIA YANG MEMENUHI KOMPETENSI DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG UNGGUL		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
7	Pegawai menyalahgunakan kuasa serta menerima rasuah dalam proses pengambilan lantikan baharu.	1. Mengkaji dan menambahbaik kaedah serta mekanisme pengambilan pegawai berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).	BPSM	5 Tahun (2025-2029)
8	Pegawai kurang telus dalam pelaksanaan urusan pertukaran atau penempatan pegawai.	1. Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Pertukaran dan Penempatan Pegawai.	BPSM	1 Tahun (2025)
9	Pegawai gagal melaksanakan modul pengukuhan tatakelola, integriti dan pembanterasan rasuah dalam program latihan dalaman.	1. Mewajibkan pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans Integriti dan Antirasuah (MPGIA) melibatkan kursus-kursus dalaman kepada pegawai RISDA sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021.	BPSM	1 Tahun (2025)
10	Pegawai gagal mematuhi waktu bekerja termasuk tidak hadir bertugas tanpa sebab yang munasabah dan memalsukan dokumen ketidakhadiran bertugas.	1. Menguatkuasa penggunaan i-RAMS di semua Pusat Tanggungjawab RISDA. 2. Melaksanakan Auditan Pematuhan Peraturan Kad Perakam Waktu. 3. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Pengurusan Tindakan Tatatertib secara menyeluruh termasuk memperkasa elemen peranan dan tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab. 4. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Kelulusan Pekerjaan Luar termasuk menetapkan had tempoh kelulusan yang diberikan.	BP BIAD UI UI	5 Tahun (2025-2029) 1 Tahun (2025) 3 Tahun (2025-2027) 2 Tahun (2025-2026)

ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		5. Melaksanakan program perkongsian maklumat serta hebahan berkenaan Garis Panduan Pengurusan Tindakan Tatatertib dan Kod Etika Pegawai RISDA.	UI	Setiap Tahun Sekali (2025-2029)
11	Pegawai menyalah guna dadah/bahan terlarang semasa dalam perkhidmatan RISDA.	<p>1. Melaksanakan saringan urin secara berkala melibatkan semua pegawai di Pusat Tanggungjawab dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).</p> <p>2. Mengadakan kempen pembudayaan RISDA Bebas Dadah dengan hebahan kepada semua Pusat Tanggungjawab.</p>	UI	5 Tahun (2025-2029)
			UI	1 Tahun (2025)



BIDANG KEUTAMAAN

02: TATAKELOLA



STRATEGI 2

MEMUPUK TATAKELOLA YANG BAIK MELALUI KAWAL SELIA DALAMAN YANG KUKUH



**OBJEKTIF
STRATEGIK 2.1**

MEWUJUDKAN PENGURUSAN TADBIR URUS YANG TELUS DAN BERINTEGRITI



**OBJEKTIF
STRATEGIK 2.2**

**MEMASTIKAN KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT
SERTA MEKANISME SEMAK IMBANG**

BIDANG KEUTAMAAN		TATAKELOLA		
STRATEGI 2		MEMUPUK TATAKELOLA YANG BAIK MELALUI KAWAL SELIA DALAMAN YANG KUKUH		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1		MEWUJUDKAN PENGURUSAN TADBIR URUS YANG TELUS DAN BERINTEGRITI		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
12	Pegawai menyalahguna kedudukan atau jawatan dengan menyembunyikan maklumat sebenar dalam Pengurusan Aduan Pelanggan.	1. Memperkasa Pengurusan Aduan dengan memperkenalkan Dasar Ombudsman Malaysia berdasarkan ketetapan daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.	BKK	3 Tahun (2025 – 2027)
		2. Memperkenalkan penggunaan <i>Change Request Form</i> untuk permohonan perubahan pegawai yang dibenarkan mengakses Sistem Pengurusan Aduan Pelanggan.	BTM	1 Tahun (2025)
		3. Menambahbaik Tatacara Pengurusan Aduan RISDA dengan memasukkan elemen pengemaskinian status aduan kepada pengadu.	BKK	1 Tahun (2025)
		4. Melaksanakan latihan dan memberi kefahaman berkenaan Tatacara Pengurusan Aduan kepada pegawai bertanggungjawab.	BKK	Setiap tahun sekali (2025-2029)
13	Pegawai gagal menguruskan campur tangan secara langsung oleh pihak ketiga atau pihak luar dalam urusan pentadbiran dan operasi RISDA.	1. Memperkasa Pengurusan Tatakelola di RISDA melalui pemakaian Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkunun Persekutuan.	UPB	1 Tahun (2025)
		2. Menyemak semula dan mengemaskini Terma Rujukan Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah Pihak Berkuaesa RISDA.	UPB	1 Tahun (2025)
		3. Menyemak semula dan mengemaskini Garis Panduan Mekanisme Penurunan Kuasa di setiap peringkat pengurusan.	UPB	1 Tahun (2025)
		4. Memperkenalkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan berdasarkan Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Kerajaan.	UI	1 Tahun (2025)



ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		5. Melaksanakan latihan dan kefahaman kepada semua peringkat berkaitan integriti, governans dan antirasuah melalui pelaksanaan Kursus Khas Modul Pengukuhan Integriti, Governans dan Antirasuah berpandukan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021.	UI	Setiap tahun sekali (2025-2029)
14	Pegawai lemah dan cuai dalam melaksanakan penilaian terhadap kajian daya maju, <i>due diligence</i> termasuk kajian teknikal ke atas sesuatu projek pelaburan baharu.	1. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Pengurusan Pelaburan RISDA. 2. Meningkatkan kompetensi melalui penyertaan pegawai dalam kursus pengurusan risiko kewangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh entiti kewangan dan pengurusan risiko berauliah.	BPPS	2 Tahun (2025-2026)
		3. Mengkaji dan memperkuuh tenaga sumber manusia di Seksyen RISDA Agronomy Service Centre (RIAS), Unit Baja dan Stor, Bahagian Bekalan dan Input Pertanian.	BPSM	2 Tahun (2025-2026)
15	Pegawai menyalahguna kedudukan atau jawatan untuk meluluskan sumbangan <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) RISDA yang tidak mengikut peraturan.	1. Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Sumbangan Sosial Korporat (CSR). 2. Mewajibkan semua pihak yang terlibat dalam urusan Sumbangan Sosial Korporat (CSR) RISDA menandatangani <i>Integrity Pact</i> berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	UPB	2 Tahun (2025-2026)
16	Pegawai menyalahguna kedudukan atau jawatan dalam menguruskan dana daripada Tabung Peningkatan Imej RISDA.	1. Menyemak semula dan menambah baik Terma Rujukan Pengurusan Dana Tabung Peningkatan Imej RISDA.	BKK	1 Tahun (2025)
17	Pegawai gagal mematuhi pelaksanaan fungsi teras Unit Integriti berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.	1. Memastikan pelaporan fungsi teras Unit Integriti dilaporkan serta dibentangkan kepada Pihak Berkuasa RISDA. 2. Mengeluarkan surat kuasa kepada Pegawai di Unit Integriti yang terlibat dalam fungsi Pengesahan dan Pengesahan. 3. Melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bagi mengkaji keperluan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO:37001 di RISDA.	UI	5 Tahun (2025-2029)
			UI	1 Tahun (2025)
			UI	1 Tahun (2025)

BIDANG KEUTAMAAN		TATAKELOLA		
STRATEGI 2		MEMUPUK TATAKELOLA YANG BAIK MELALUI KUALITI KAWAL SELIA DALAMAN YANG KUKUH		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2		MEMASTIKAN KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT SERTA MEKANISME SEMAK IMBANG		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
18.	Pegawai menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri dan pihak lain dalam urusan perjanjian melibatkan RISDA.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan mekanisme senarai semak yang seragam melibatkan perjanjian-perjanjian yang diuruskan. 2. Meningkatkan kompetensi melalui penyertaan pegawai dalam Kursus Perundangan Kontrak dan Perjanjian yang dianjurkan oleh Entiti Perundangan Bertauliah. 	UUU	1 Tahun (2025)
19.	Pegawai menginput data bancian yang kurang tepat serta meragukan dalam pelaksanaan bancian pekebun kecil.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan integriti data banci pekebun kecil melalui pelaksanaan program <i>Mopping Up</i> data banci 2.0 dengan merujuk kepada data-data <i>primer</i> iaitu e-Spek 2.0, e-SRM, i-Power, SmartMap dan e-BMT. 	BDPS	1 Tahun (2025)
20.	Pegawai berpakat dengan audittee untuk menyembunyikan penemuan Audit Dalam melibatkan Auditan Pengurusan dan Pembangunan RISDA.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan pelaksanaan audit dalam yang teratur dan berintegriti melalui pewujudan Garis Panduan Pengurusan Audit Dalam RISDA. 	BIAD	1 Tahun (2025)



BIDANG KEUTAMAAN

03: KEWANGAN



STRATEGI 3

MEMPERKUKUH ORGANISASI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN



**OBJEKTIF
STRATEGIK 3.1**

**MEMPERKASA KETELUSAN DALAM URUSAN KEWANGAN BAGI MEMASTIKAN
PELAKSANAAN YANG EFEKTIF DAN BERKESAN**



**OBJEKTIF
STRATEGIK 3.2**

**MEMASTIKAN AKAUNTABILITI DAN PROFESIONALISME PEGAWAI DALAM
PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI MENGHINDARI RISIKO RASUAH**

BIDANG KEUTAMAAN		KEWANGAN		
STRATEGI 3		MENGUKUHKAN ORGANISASI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1		MEMPERKASA KETELUSAN DALAM URUSAN KEWANGAN BAGI MEMASTIKAN PELAKSANAAN YANG EFEKTIF DAN BERKESAN		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
21	Pegawai cuai dalam memantau prestasi dan kedudukan kewangan dana akaun RISDA yang dipindah urus ke Kumpulan RISDA Holdings (KRH).	1. Memperkasa dan menambah baik garis panduan berkaitan dana akaun RISDA yang dipindah urus ke Kumpulan RISDA Holdings.	BKB	2 Tahun (2025-2026)
		2. Menyemak semula dan menambah baik perjanjian pindah urus dana antara RISDA dan Kumpulan RISDA Holdings bagi memastikan kepentingan RISDA dan Kumpulan RISDA Holdings terpelihara.	BKB	2 Tahun (2025 - 2026)
		3. Melaksanakan auditan ke atas pengurusan dana akaun RISDA yang dipindah urus ke Kumpulan RISDA Holdings.	BIAD	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
22	Pegawai mengemukakan dokumen atau maklumat palsu berkaitan tuntutan peribadi.	1. Melaksanakan auditan pematuhan peraturan berkaitan tuntutan peribadi.	BIAD	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
		2. Mewujudkan Polisi Rujukan Kepada Agensi Penguatkuasa.	UI	2 Tahun (2025 - 2026)
		3. Menghebahkan Polisi Pemberian Maklumat bagi menggalakkan pengadu menyalurkan maklumat salah laku.	UI	1 Tahun (2025)
23	Pegawai mengemukakan perakuan siap kerja yang meragukan bagi kerja-kerja kejuruteraan.	1. Mengkaji dan menyemak semula tempoh penempatan bagi pegawai-pegawai kejuruteraan sedia ada di Pejabat RISDA Negeri dengan keperluan untuk melaksanakan pusingan kerja.	BPSM	1 Tahun (2025)
		2. Melaksanakan latihan serta kefahaman bersama Pihak Berkuasa atau pihak yang kompeten bagi memberi pendedahan kepada pegawai dalam urusan kerja kejuruteraan.	BTek	Setiap tahun sekali (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN		KEWANGAN		
STRATEGI 3		MENGUKUHKAN ORGANISASI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2		MEMASTIKAN AKAUNTABILITI DAN PROFESIONALISME PEGAWAI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI MENGHINDARI RISIKO RASUAH		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
24	Campur tangan dalam urusan perolehan melibatkan pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan bagi pemilihan pembekal, kontraktor dan perkhidmatan.	1. Mengintegrasikan Sistem Perolehan Elektronik (SPE) dengan Sistem Kewangan RISDA (RaFIS).	BKB	5 Tahun (2025-2029)
		2. Menghebahkan penguatkuasaan Akta Perolehan Kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Kewangan.	BKB	3 Tahun (2025-2027)
25	Pegawai menerima rasuah sebagai balasan pemilihan pembekal, kontraktor dan perkhidmatan bagi urusan perolehan yang diuruskan.	1. Memperkasa pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dengan menjadikannya elemen utama semakan semasa proses Audit Dalaman bagi program Pengurusan dan Pembangunan.	BIAD	5 Tahun (2025-2029)
		2. Menambahbaik Modul Latihan Pengurusan Perolehan RISDA dengan mewajibkan slot Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).	BKB	1 Tahun (2025)

BIDANG KEUTAMAAN

04 : OPERASI



STRATEGI 4

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN OPERASI PEMBANGUNAN



OBJEKTIF
STRATEGIK 4.1

MEMPERKASA TAHAP KECEKAPAN SERTA PENGURUSAN YANG BAIK DALAM
PELAKSANAAN PROGRAM TANAM SEMULA



OBJEKTIF
STRATEGIK 4.2

MENGUKUHKAN AMALAN KETELUSAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
KEPADА PEKEBUN KECIL

BIDANG KEUTAMAAN		OPERASI		
STRATEGI 4		MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN OPERASI PEMBANGUNAN		
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1		MEMPERKASA TAHAP KECEKAPAN SERTA PENGURUSAN YANG BAIK DALAM PELAKSANAAN PROGRAM TANAM SEMULA		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
26	Pegawai mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bayaran Bantuan Tanam Semula bagi Program Tanam Semula RISDA yang tidak benar dan meragukan.	1. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Tanam Semula RISDA termasuk menambah baik tatacara bagi lawatan pemeriksaan kebun oleh pegawai.	BTSP	2 Tahun (2025-2026)
		2. Melaksanakan kursus kompetensi kepada pegawai penilai atau pegawai penaksir laporan pemeriksaan kebun dengan mewajibkan slot Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).	BTSP	Setiap tahun sekali (2025 - 2029)
27	Pegawai cuai dan lemah dalam memantau pengurusan Projek Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan Tanam Semula Komersil (TSK).	1. Mengemaskini Tatacara Pemantauan Projek Tanam Semula bagi TSB/TSK dengan melaksanakan lawatan pengesahan kebun bagi setiap ansuran bayaran.	BTSP	2 Tahun (2025-2026)
28	Pegawai memalsukan maklumat berhubung tuntutan bayaran kerja ladang bagi program Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB).	1. Mewujudkan Tatacara Pembayaran Tuntutan Kerja-kerja Ladang RTBB bagi memastikan pembayaran berada dalam skop bajet yang diluluskan.	BTSP	2 Tahun (2025-2026)
29	Pegawai cuai atau memanipulasi maklumat dalam proses penginputan data sistem i-PoWeR.	1. Menambahbaik Sistem i-POWeR tanam semula dengan mewujudkan elemen bukti-buktii secara visual bagi membolehkan setiap kesalahan taksiran serta laporan dapat dikenalpasti sebelum kelulusan atau pengesahan diberikan.	BTSP	3 Tahun (2025-2027)
		2. Mewujudkan <i>Change Agent</i> i-POWeR Tanam Semula di setiap Pejabat RISDA Negeri.	BTSP	3 Tahun (2025-2027)

ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		<p>3. Menyemak semula dan mengemaskini Modul Latihan Sistem i-PoWeR Tanam Semula dengan memastikan skop latihan mengikut arahan terkini yang sedang berkuat kuasa.</p>	BTSP	Setiap tahun sekali (2025-2029)
		<p>4. Mengintegrasikan Sistem Pemantaun Baja (SPB) dan e-Benih dalam modul Sistem I-PoWer Bekalan.</p>	BBIP	2 Tahun (2025-2026)
		<p>5. Mengadakan dan memperkasa Modul Latihan Sistem i-PoWeR Bekalan bagi meningkatkan kompetensi pengguna di setiap peringkat mengikut arahan terkini yang sedang berkuat kuasa.</p>	BBIP	Setiap tahun sekali (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN		OPERASI		
STRATEGI 4		MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN OPERASI PEMBANGUNAN		
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2		MENGUKUHKAN AMALAN KETELUSAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA PEKEBUN KECIL		
ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
30	Pegawai lemah dan tidak telus dalam menguruskan pelaksanaan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).	1. Memperkasa mekanisme pemantauan usahawan secara atas talian melalui penguatan kuasaan <i>RISDAprenuer Management System</i> (RMS). 2. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) bagi semua skim bantuan merangkumi skop kadar bantuan, kaedah pemilihan serta proses permohonan. 3. Melaksanakan kajian impak bagi mengenal pasti tahap keberkesanannya pelaksanaan program dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). 4. Mewajibkan semua usahawan dan pembekal menandatangani Surat Akuan Akujanji Integrity Pact berkaitan kerahsiaan perolehan. 5. Memperkuuh pengetahuan dan kompetensi pegawai dalam bidang keusahawanan melalui latihan yang merangkumi aspek pengurusan perniagaan dan kewangan, pemasaran, teknologi serta komunikasi termasuk mewajibkan slot Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).	BPU	1 Tahun (2025)
31	Pegawai lemah dan tidak telus dalam menguruskan pelaksanaan program Khidmat Pengembangan.	1. Menambahbaik sistem pendaftaran peserta program pengembangan melalui penggunaan teknologi seperti Google Form 2. Melaksanakan kajian impak bagi mengenal pasti tahap keberkesanannya pelaksanaan program khidmat pengembangan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).	BPPT	Setiap tahun sekali (2025-2029)
			BPPT	2 Tahun (2025-2026)
			BPPT	2 Tahun (2025-2026)

ID RISIKO	RISIKO (GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
		<p>3. Melaksanakan auditan pematuhan peraturan bagi program khidmat pengembangan.</p> <p>4. Memperkuuh pengetahuan dan kefahaman melalui latihan kompetensi kepada pegawai bertanggungjawab.</p>	BIAD BPPT	Setiap tahun sekali (2025-2029) Setiap tahun sekali (2025-2029)
32	Peranan pegawai dalam melaksanakan aktiviti latihan <i>Good Agriculture Practice</i> (GAP) di lapangan kurang berkesan.	1. Memperkasa peranan <i>Flying Squad</i> di semua peringkat pusat tanggungjawab dengan menambah baik garis panduan termasuk meningkatkan kekerapan lawatan serta kaedah pemantauan implementasi pengetahuan GAP oleh pekebun kecil.	BPPT	1 Tahun (2025)
33	Pegawai gagal dan kurang telus dalam menguruskan pelaksanaan Program Agromakanan.	<p>1. Memperkasa mekanisme pemantauan projek secara atas talian melalui penguatkuasaan <i>RISDAprenuer Management System</i> (RMS).</p> <p>2. Memperkuuhkan pengetahuan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan program agromakanan melalui pelaksanaan kursus peningkatan kompetensi.</p> <p>3. Mewajibkan semua pihak yang terlibat menandatangani Surat Akuan Akujanji <i>Integrity Pact</i> berkaitan pelaksanaan program agromakanan.</p>	BAPK BAPK BAPK	1 Tahun (2025) Setiap tahun sekali (2025 – 2029) 1 Tahun (2025)
34	Pegawai menyalahguna kedudukan atau jawatan untuk meluluskan permohonan dan bayaran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang tidak mematuhi peraturan.	<p>1. Menyemak semula dan menambah baik sistem Portal Pekebun Kecil Modul Permohonan, e-BMT dan RaFIS merangkumi permohonan, semakan, kelulusan, bayaran, laporan dan statistik.</p> <p>2. Menyemak semula dan menambah baik Garis Panduan Bantuan Musim Tengkujuh dari permohonan sehingga bayaran RISDA dan Agensi.</p> <p>3. Mewujudkan dan melaksanakan <i>Taskforce</i> pemantauan pengurusan permohonan dan kelulusan bayaran BMT di PT secara berkala.</p>	BPP BPP BPP	1 Tahun (2025) Setiap tahun sekali (2025 – 2029) Setiap tahun sekali (2025 – 2029)


ix. MEKANISME PELAKSANAAN, PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN RACS 2025-2029

Selaras dengan peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 07 Mei 2024 dalam usaha Kerajaan memastikan kesinambungan serta keberkesanan pelaksanaan inisiatif strategik antirasuah dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, RISDA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) RISDA Bilangan 2 Tahun 2024 pada 11 Julai 2024 telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) RISDA selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan RACS 2025-2029

bagi memulakan langkah RISDA untuk membangunkan dasar antirasuah ini.

Pembangunan RACS 2025-2029 ini telah melalui beberapa siri bengkel Pembangunan, sesi pemurnian, pembentangan kepada Jawatankuasa Pembangunan, pembentangan akhir kepada Pengurusan Tertinggi RISDA termasuk pembentangan kepada Pihak Berkuasa RISDA dan akhirnya, terhasil empat (4) strategi, lapan (8) objektif strategik dan 91 inisiatif strategik antirasuah RISDA yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.





Dalam pelaksanaan RACS 2025-2029, empat (4) peringkat dalam struktur organisasi RISDA yang akan terlibat adalah seperti berikut:

1. Pihak Berkuasa RISDA
2. Pengurusan Ibu Pejabat
3. Pengurusan Negeri
4. Pengurusan Daerah/Jajahan/Bahagian

Keempat-empat peringkat ini akan memberi tumpuan kepada peranan dan tanggungjawab iaitu pengabsahan dasar dan penyelesaian, penilaian risiko rasuah, pelaksanaan program atau aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi.

Mesyuarat JTK RISDA yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan di semua peringkat termasuk di Ibu Pejabat, Negeri serta Daerah/Jajahan/Bahagian akan menjadi platform untuk semua inisiatif dalam RACS 2025-2029 dipantau, diselaras serta dilaksanakan penilaian semula untuk memastikan inisiatif-inisiatif tersebut akan berjaya dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, iaanya akan menjadi medium untuk sebarang cadangan atau idea baru bagi pengukuhan integriti dan tatakelola yang boleh dilaksanakan di RISDA. Pelaporan pencapaian inisiatif RACS 2025-2029 akan dilaporkan secara berkala

kepada Pihak Berkuasa RISDA.

Unit Integriti RISDA adalah sebagai penyelaras utama yang akan bekerjasama erat dengan semua pemegang taruh di peringkat dalaman mahupun luaran bagi memudahkan pelaksanaan RACS 2025-2029 serta memberi pandangan dan nasihat apabila diperlukan. Pengurusan RISDA akan melaksanakan Mesyuarat JTK sebanyak tiga (3) kali setahun yang akan menjadi platform bagi memantau perkembangan dan pencapaian setiap inisiatif yang terkandung dalam RACS 2025-2029.

Setiap Bahagian Peneraju inisiatif bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan dengan menggunakan templat yang disediakan untuk mengemaskini perkembangan pelaksanaan inisiatif pada setiap suku tahun. Pengurusan RISDA yakin bahawa adalah penting untuk menekankan keutamaan pemantauan dan penilaian bagi memastikan kejayaan RACS 2025-2029. Usaha ini akan melibatkan semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan strategi dan inisiatif yang dirangka agar iaanya memenuhi jangkaan dan matlamat bagi dasar yang dibangunkan ini. Perkara ini adalah bertujuan untuk memastikan kebertanggungjawaban bersama, memantapkan usaha penyelaras dan menjurus kepada agenda penambahbaikan secara berterusan di RISDA.

STRUKTUR PELAKSANAAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH RISDA (RACS) 2025-2029



Bahagian Perancangan
Governans Nasional,
SPRM sebagai
Urus Setia



Jawatankuasa Khas Kabinet
Tatakelola Nasional
(JKTN)
Pengerusi:
YAB Perdana Menteri

- Memperaku laporan pemantauan dan penilaian mengenai NACS 2024-2028 sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri.
- Mempertimbang syor penambahbaikan dasar yang telah digariskan dalam NACS 2024-2028.
- Mengemukakan sebarang cadangan penambahbaikan kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sekiranya terdapat isu-isu semasa berkaitan NACS 2024-2028 yang memerlukan perhatian dan tindakan segera.



Bahagian Urus Tadbir
Sektor Awam, SPRM
sebagai Urus setia



Jawatankuasa Tatakelola
Nasional (JTK)
Pengerusi: Ketua
Setiausaha Negara

- Memantau pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JKTN berkaitan NACS 2024-2028.
- Mengenalpasti dan mencadangkan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan strategi NACS 2024-2028 secara efisien.



Unit Integriti
Kementerian Sebagai
Urus Setia



Jawatankuasa Tatakelola
(JTK) Kementerian
Pengerusi: Ketua
Setiausaha Kementerian

- Memantau dan memaklumkan keputusan dan pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh JTK National berkaitan NACS 2024-2028.
- Mengenalpasti dan mencadangkan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan strategi NACS 2024-2028 secara efisien.
- Mengesyorkan dasar.
- Membuat keputusan selari dengan kepentingan organisasi dan agensi.
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik.



Unit Integriti RISDA
sebagai Urus setia



Jawatankuasa Tatakelola
(JTK) RISDA
Pengerusi: Ketua
Pengarah RISDA

- Menerima dan melaksanakan dasar yang diputuskan oleh JTK Kementerian berkaitan NACS 2024-2028.
- Melaporkan dan memaklumkan keputusan atau perkembangan berkaitan pelaksanaan RACS 2025-2029 yang dilaporkan melalui Mesyuarat JTK RISDA.
- Mengesyorkan dasar.
- Membuat keputusan selari dengan kepentingan agensi.
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik.

PEMANTAUAN

- Menerangkan matlamat program.
- Menyelaraskan aktiviti dan sumber dengan matlamat.
- Menterjemahkan objektif kepada indikator pencapaian dan sasaran.
- Melaksanakan perbandingan antara pencapaian dan sasaran.
- Mengemukakan laporan kemajuan kepada pihak berkepentingan dan memaklumkan sebarang isu dan permasalahan.

PENILAIAN

- Menilai kelebihan dan kekurangan setiap aktiviti.
- Menyemak keberkesanan aktiviti dalam menyokong matlamat yang ingin dicapai.
- Memastikan aktiviti dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.
- Memberikan respon yang tepat mengikut keadaan apabila diperlukan.

JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) KEMENTERIAN

Memberi pandangan dan nasihat sewajarnya berkaitan RACS.

Mengemukakan laporan kepada urus setia JTK Kementerian setiap suku.

JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) RISDA

Mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Tatakelola (JTK) RISDA.

Unit Integriti RISDA (Sekretariat RACS)

i. PENERAJU ii. PELAKSANA

- Mesyuarat dan laporan tiga (3) kali setahun.
- Meneliti matlamat dengan menilai strategi dan inisiatif.
- Memantau proses pelaksanaan inisiatif.
- Penilaian semua inisiatif.
- Penambahbaikan dan kajian inisiatif.

BAB 4 | KESIMPULAN





Tidak dapat disangkal bahawa Kerajaan Malaysia amat serius dalam memerangi rasuah di negara ini, RISDA sebagai sebuah badan berkanun persekutuan akan terus berusaha untuk menyahut seruan tersebut dan menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap usaha-usaha yang telah digariskan oleh Kerajaan. RISDA komited untuk memberikan sokongan sepenuhnya kepada segala usaha pengukuhan integriti, tatakelola yang baik dan pembanterasan rasuah.

Sehubungan dengan itu, Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 adalah manifestasi komitmen RISDA dalam menyokong dasar-dasaryang ditetapkan oleh Kerajaan melalui Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028. Ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

RACS 2025-2029 telah mengenal pasti sebanyak 34 risiko dan 91 inisiatif yang perlu dilaksanakan untuk menangani isu-isu berkenaan dengan integriti, tatakelola dan pembanterasan rasuah secara menyeluruh dengan jangka masa pelaksanaan selama lima (5) tahun. Melalui empat (4) strategi utama, RACS 2025-2029 yang akan bertindak sebagai instrumen dan panduan strategik untuk memastikan setiap langkah dan usaha dalam pembasmian jenayah rasuah dapat direalisasikan dengan jayanya.

Pelbagai pihak termasuk Pihak Berkuasa RISDA dan Pengurusan Tertinggi RISDA, memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan sumber daya seperti sumber manusia dan kewangan serta akses kepada sumber-sumber tersebut, dapat disediakan kepada semua pemegang taruh yang terlibat bagi melaksanakan inisiatif yang telah digariskan.

Pelaksanaan setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini akan dipantau dan dinilai secara berterusan untuk memastikan pencapaian matlamat utama iaitu mengekang, membendung dan menutup ruang serta peluang bagi berlakunya rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. RISDA sentiasa bersedia untuk menerima maklum balas, cadangan dan nasihat bagi sebarang penambahbaikan agar matlamat penggubalan pelan ini dapat dicapai secara menyeluruh.

Akhir sekali, dan yang paling penting, tiga (3) elemen utama yang akan menjadi asas untuk memastikan kejayaan pelaksanaan RACS 2025-2029 adalah:



1. Iltizam dan Komitmen Pengurusan

Iltizam dan Komitmen Pengurusan RISDA adalah elemen paling penting dalam memastikan kejayaan setiap inisiatif yang dirangka dalam RACS 2025-2029 dalam usaha untuk mencapai visi dan misi yang dihasratkan dalam dasar strategik antirasuah ini. Kepimpinan yang beriltizam dan komited untuk membanteras rasuah serta salah guna kuasa akan memberikan impak yang besar terhadap pencapaian matlamat serta meningkatkan kredibiliti organisasi dalam melaksanakan fungsinya. Melalui pengurusan yang berintegriti, penyediaan sumber yang mencukupi serta penguatkuasaan prosedur dan tindakan yang tegas akan memastikan bahawa rasuah dan salah guna kuasa dapat dikawal dan dihapuskan dalam organisasi. Dengan iltizam yang kukuh dan komitmen yang tidak goyah, RISDA dapat menjadi contoh terbaik dalam usaha membanteras rasuah dan memelihara integriti dalam sektor awam.

2. Penguahan Sistem Pengurusan Risiko dan Penguatkuasaan Efektif

Peningkatan dan penguahan sistem pengurusan risiko rasuah serta penguatkuasaan undang-undang yang tegas adalah penting

yang mana RISDA perlu terus mengidentifikasi risiko-risiko rasuah di pelbagai peringkat operasinya dan mengambil tindakan pencegahan melalui penambahbaikan sistem dan proses yang ada. Ini adalah termasuk melalui auditan, pemantauan menyeluruh serta pelaporan yang berterusan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dapat diperkuuhkan. Setiap dasar dan polisi yang akan dibangunkan perlu sentiasa mengambil kira risiko-risiko rasuah dan salah guna kuasa yang dikenalpasti agar tindakan yang bersesuaian dapat diambil.

3. Pendidikan dan Kesedaran Berterusan

Pendidikan dan kesedaran yang berterusan kepada setiap pegawai RISDA berkaitan nilai-nilai integriti, etika dan kesan buruk rasuah dan salah guna kuasa perlu dilaksanakan memandangkan ini merupakan langkah penting dalam memastikan kejayaan pembanterasan rasuah dalam sesebuah organisasi. Program latihan yang berterusan dan penyediaan maklumat yang jelas tentang polisi antirasuah akan memastikan semua pegawai RISDA memahami dan menghayati pentingnya usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa secara bersama.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak seperti di bawah yang telah membantu memberikan input, analisis, kerjasama dan sokongan yang padu kepada pihak RISDA untuk membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029:

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

Yang Berhormat Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib
Pengerusi RISDA

Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Yang Berusaha Encik Zainal Azni bin Zulkifli
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berusaha Puan Haniza binti Ab Shukor
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) RISDA merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan RACS 2025-2029

Yang Berusaha En Md Najip bin Ishak
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berusaha Tuan Haji Alias bin Ibrahim
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Tuan Haji Rahman bin Mohd Din
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pengarah-Pengarah Bahagian RISDA

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri

Pegawai Undang-Undang RISDA

Penerbit Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028

Para Peserta Bengkel dan Ahli Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pemberantasan Rasuah RISDA (RACS) 2025-2029 yang komited dalam meluangkan masa dan memberikan input:

BIL	NAMA	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Jamaluddin Bin Harun	
2.	Norhafizah Binti Che Pa	
3.	Hafizah Binti Kaab	
4.	Haji Mohd Sayuthi Bin Badrul Munir	PKP
5.	Muhammad Izhaq Bin Abd Rani	
6.	Moradila Binti Abd. Moris	BDPS
7.	Shahratul Ida Binti Mohd Shaidan	
8.	Ruhina Binti Abd Manaf	BIAD
9.	Siti Suhaili Binti Abd Rahim	
10.	Muhamad Azfar Hakim Bin Mohd Jafri	BPSM
11.	Sharina Binti Sharifuddin	BP
12.	Nurul Hidayati Binti Yussoff	
13.	Aziyana Binti Azizan	BPPS
14.	Izwan Raizad Bin Ibrahim	BTek
15.	Nor Erlina Binti Kamaruzaman	BL
16.	Mohd Faizal Bin Mohd Tajudin	BTM
17.	Julia Binti Abu Bakar	
18.	Rakinah Binti Amran	BKB
19.	Nur Ayuni Binti Dato' Mohamat	
20.	Nur Azhana Binti Mohamed Alang	BKK
21.	Laili Husna Binti Othman	BTSP
22.	Wan Zuharie Bin Wan Usop	BPP
23.	Julie Azira @ Julia Bte Mohd Ghazali	BPPT
24.	Siti Jariah Bt Md Taib	BU
25.	Mohamad Hanif Bin Othman	BPK
26.	Norani Bt Abu Bakar	BBIP
27.	Hairul Azry Bin Baharom	PRN Melaka
28.	Hairul Nizam Bin Abdul Jalil	PRN Terengganu
29.	Muhammad Bin Mustapha	PRB Samarahan
30.	Rafizah Bt Anuar	PRN Pahang
31.	Siti Zaihasrina Binti Hassan	PRN Sabah
32.	Nor Azlina Binti Mohd Zin	PRD Negeri Sembilan Barat
33.	Wan Mohd Iskandar Bin Baharudin	PRJ Kelantan Utara


Tenaga Pakar Institut Integriti Malaysia (IIIM) selaku Konsultan Utama Pembangunan RISDA Anti-Corruption Strategy (RACS) 2025-2029:

1. Encik Muhamad Khairul Azmir bin Mohd Paiz

2. Cik Nur Atia Shahirah binti Mustapha

3. Puan Munah binti Abdul Aziz

Penghargaan setinggi-tingginya diucapkan kepada semua pihak berkepentingan yang telah menyumbang sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam proses penyediaan RACS 2025-2029. RISDA yakin bahawa strategi ini akan memberikan impak positif dan manfaat yang besar khususnya kepada seluruh warga RISDA.



PASUKAN EDITOR

PENASIHAT

YBrs. Encik Zainal Azni bin Zulkifli

Ketua Pengarah RISDA

TIMBALAN PENASIHAT

YBrs. Puan Haniza binti Ab Shukor

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) RISDA merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan RACS 2025-2029

KETUA EDITOR

1. Encik Wan Mohamad Zamir bin Wan Mohamad Zuki

Ketua Unit Integriti RISDA

2. Encik Jamaluddin bin Harun

Mantan Ketua Unit Integriti RISDA

PASUKAN EDITOR (UNIT INTEGRITI RISDA)

Tuan Haji Mohd Sayuthi bin Badrul Munir

Encik Muhammad Izhaq bin Abd Rani

Puan Rohaini Ayunni binti Rokhairi

Encik Mohd Fazar bin Mohd Nasir

Encik Mohd Fikri bin Kamaruzaman

Puan Nur Farrah Shahriena binti Kamal Ariffin

Encik Megat Muhammad Al Qawi bin Hassan





LAMPIRAN 1- INISIATIF RACP 2019-2023 YANG TIDAK DAPAT DISEMPURNAKAN SETAKAT DISEMBER 2023

NO.	NO. INISIATIF	INISIATIF	STATUS
1	2.2.5.1	Menyemak semula dan menambahbaik Garis Panduan Sumbangan CSR RISDA dan SMR.	
2	2.2.5.2	Memperteguh prinsip semak dan imbang melalui kajian dan semakan semula melalui penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan CSR di RISDA dan SMR.	Dimasukkan dalam RACS bawah Strategi 2.1.15.1
3	2.2.5.3	Mewajibkan Ahli Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan CSR RISDA dan SMR menandatangani \ Surat Akuan Akujanji Integrity Pact berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	Dimasukkan dalam RACS bawah Strategi 2.1.15.2
4	1.1.12.7	Memperkasakan kerangka pengurusan aduan berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Ombudsman Malaysia (Biro Pengaduan Awam).	Dimasukkan dalam RACS bawah Strategi 2.1.12.1
5	2.2.1.2	Menyemak semula dan menambahbaik perjanjian pindah urus dana di antara RISDA dan SMR bagi memastikan kepentingan RISDA dan SMR terpelihara.	Dimasukkan dalam RACS bawah Strategi 2.1.21.2





ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS
DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2022

PEMENANG ANUGERAH KATEGORI
PERAK

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)





UNIT INTEGRITI RISDA

Aras 4, Ibu Pejabat RISDA,
Karung Berkunci 11067,
50990, Kuala Lumpur.

Tel : 03 425 64022

Emel : integriti@risda.gov.my